

"WAHAI orang-orang yang beriman! Berzikirlah mengingat Allah dengan zikir yang sebanyak-banyaknya. Dan bertasbihlah kepada-Nya pada waktu pagi dan petang. Dialah yang mengurniakan rahmat kepada kamu dan malaikat-malaikat-Nya pula (berdoa memohonkan ampun bagi kamu) untuk mengeluarkan kamu daripada kekhilafan-kekhilafan (kufur) kepada cahaya (iman). Dan Dia adalah Maha Pengasih kepada orang-orang yang beriman".
Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Ahzab ayat 41 - 43.

TANGGUNGJAWAB BERSAMA BANTERAS PENYALAHGUNAAN, PENGEDARAN DADAH



Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 28 Jun. - Bersempena dengan Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram 2026 yang bertemakan 'Sindiket Dadah Musuh Sejagat', masyarakat diseru untuk bersama-sama meningkatkan kesedaran dan memainkan peranan dalam membanteras ancaman penyalahgunaan serta pengedaran dadah haram.

Sindiket dadah merupakan ancaman yang mampu menghancurkan kehidupan individu, keluarga dan masyarakat.

Golongan muda sering menjadi sasaran melalui pengaruh rakan, media sosial serta pujukan yang menggambarkan dadah sebagai sesuatu yang biasa, sedangkan kesannya boleh membawa kepada ketagihan, keruntuhan masa depan dan pelbagai masalah sosial.

>> Muka 3

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada Munajat Khas sempena Sambutan Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram 2026.

Memperkukuhkan sistem pendidikan negara kekal relevan, berdaya tahan, responsif

Siaran Akhbar :
Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 Jun. - Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal telah menghadiri Meja Bulat Menteri-menteri mengenai Akses dan Pembangunan Lestari dalam Pengajian Tinggi yang berlangsung secara maya pada 26 Jun 2026.

Bertemakan 'Advancing Equitable Access to Quality Higher Education through Digital Transformation, Sustainability, and Regional Harmonisation', Meja Bulat Menteri-menteri tersebut telah dianjurkan oleh pihak Suruhanjaya Pengajian Tinggi, Republik Filipina. Antara lain, sesi berkenaan bertujuan untuk menjana kesepakatan di peringkat menteri mengenai hala tuju dasar bersama dan tindakan keutamaan bagi kerjasama pendidikan tinggi ASEAN.

Semasa sesi Meja Bulat tersebut, Menteri-menteri Pendidikan dan Pengajian Tinggi dari Negara-negara Anggota ASEAN telah menyampaikan kenyataan mengenai inisiatif, cabaran, jurang pelaksanaan dan cadangan tindakan berkaitan akses kepada pengajian tinggi dan pembangunan lestari.

>> Muka 5

210 pegawai, kakitangan Kementerian Kesihatan terima Pingat Kerja Lama

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BERAKAS, Sabtu, 27 Jun. - Kementerian Kesihatan telah mengadakan Majlis Penyampaian Pingat Kerja Lama (P.K.L) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum

Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun bagi Tahun 2025 bertempat di Dewan Al-Afiah Kementerian Kesihatan, Berakas, hari ini.

>> Muka 3

Peluang memperkukuh kerjasama bidang sains, teknologi, inovasi, transformasi digital

Siaran Akhbar : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

VIENTIANE, Sabtu, 27 Jun. - Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN mengenai Sains, Teknologi dan Inovasi Ke-22 (AMMSTI-22) telah diadakan baru-baru ini di Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao.

Mesyuarat berkenaan telah didahului oleh Mesyuarat Ke-89 Jawatankuasa ASEAN Mengenai Sains, Teknologi dan Inovasi (COSTI-89) serta mesyuarat-mesyuarat berkaitan bersama Rakan Dialog yang berlangsung pada 22 hingga 25 Jun 2026.

Negara-negara Anggota ASEAN telah mengadakan perbincangan secara terbuka, strategik dan berpandangan jauh mengenai inovasi yang mampan, integrasi digital serta kerjasama awam-swasta.

Objektif utama perbincangan berkenaan adalah untuk memberikan panduan ke arah


pelaksanaan ASEAN Plan of Action on Science, Technology and Innovation (APASTI) 2026 - 2035 agar rantau berkenaan terus kekal berdaya tahan, mampan dan berdaya saing.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan dan Sukan, Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Assoc. Prof. Dr. Thongsalith Mangnomet, berkenaan memberi tumpuan, antara lain, kepada usaha memanfaatkan sains, teknologi dan inovasi dalam menangani bidang-bidang berkepentingan seperti perubahan iklim, memperkukuh sekuriti makanan serta mempercepatkan peralihan rantau berkenaan ke arah tenaga boleh diperbaharui.

>> Muka 4

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitaibrunel.gov.bn

Berita Utama



PROJEK Borneo Pulau Bersejarah Kali Ke-2 : Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan sejarah Borneo
Muka 7



TINGKATKAN kefahaman, penghayatan ibadah zakat

Muka 9



MEMPERKUKUH kemahiran melalui pembelajaran sendiri, memanfaatkan platform media sosial

Muka 21



TAHUN Melawat Brunei 2027 tarik lebih ramai pelancong

Muka 20

Memperkasa tadbir urus keselamatan menuju kecemerlangan operasi

**Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan
Selamat Pagi.**

ALHAMDULILLAH, segala puji dan syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dan selawat serta salam kerana dengan nikmat dan inayah-Nya jua, kita semua diberikan kesempatan untuk sama-sama berkumpul di majlis pada pagi ini iaitu, Majlis Forum Keselamatan 2026 sempena Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja.

Saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Forum Keselamatan 2026, yang diadakan sempena dengan Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja. Saya ingin mengimbau kembali pada tarikh 28 April 2026, iaitu Pelancaran Bulan Keselamatan yang menekankan pembinaan budaya pencegahan kebangsaan di samping mengiktiraf 'infrastruktur kesejahteraan psikososial yang sering tidak kelihatan' di tempat kerja.

Forum Keselamatan hari ini mempunyai tujuan yang berbeza, namun sama pentingnya. Jika Bulan Keselamatan melambangkan seruan tindakan secara kolektif, maka forum ini menyediakan platform untuk membincangkan strategi serta menterjemah seruan tersebut kepada hasil yang dapat diukur, bernilai tinggi dan relevan untuk tempat kerja dan tenaga kerja kita.

Perbincangan kita pada hari ini mesti berlandaskan realiti landskap antarabangsa dan nasional. Pertubuhan Buruh

Antarabangsa ataupun (International Labour Organisation - ILO) menganggarkan bahawa kira-kira 2.93 juta pekerja di seluruh dunia kehilangan nyawa setiap tahun akibat berkaitan kerja, dengan penyakit berkaitan pekerjaan terus menyumbang sebahagian besar daripada kematian ini. Tambahan pula, kemudaratan berkaitan pekerjaan dianggarkan mengakibatkan kerugian ekonomi berjumlah hampir lima peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global setiap tahun.

Di negara kita sendiri, data SHENA bagi tahun 2025 menunjukkan bahawa meskipun terdapat langkah dan usaha berterusan dilaksanakan dalam peraturan dan penguatkuasaan, industri pembinaan sahaja yang menyumbang sebanyak 44 peratus daripada kecederaan di tempat kerja yang dilaporkan. Pada tahun yang sama, kadar kematian di tempat kerja adalah pada 2.25 bagi setiap 100,000 pekerja. Angka-angka ini bukan sekadar statistik; ia merupakan peringatan bahawa nyawa, keluarga dan daya tahan ekonomi Negara Brunei Darussalam (NBD) dipertaruhkan.

Semasa pelancaran Bulan Keselamatan, kita telah menekankan risiko psikososial sebagai satu keutamaan operasi. Pada hari ini, saya ingin menyeru semua majikan dan tenaga kerja, selaku rakan kongsi sosial, untuk meneliti 'Faktor Manusia' serta hubungannya yang mendalam dengan kepimpinan, tadbir urus dan sistem pengurusan dalam pencegahan insiden dan kematian di tempat kerja. Kajian menunjukkan bahawa tingkah laku masih menjadi punca utama bagi kebanyakan

kejadian. Oleh itu, sebagai pemimpin dan pengamal, kita perlu melangkaui pematuhan di peringkat luaran dan mula menangani budaya organisasi serta sistem pengurusan yang mungkin secara tidak sengaja melemahkan amalan keselamatan ataupun menggalakkan jalan pintas.

Mengurus risiko adalah satu pelaburan strategik. Organisasi yang mengutamakan keselamatan dan kesihatan pekerjaan secara menyeluruh lazimnya akan memperoleh pulangan yang signifikan melalui pengurangan kadar ketidakhadiran pekerja serta peningkatan produktiviti. Sebaliknya, mengabaikan risiko akan menjurus kepada ketidakstabilan operasi dan gangguan kewangan.

SHENA kekal teguh dalam komitmennya untuk beralih daripada pendekatan penguatkuasaan reaktif kepada tadbir urus yang proaktif. Walau bagaimanapun, keberkesanan peraturan adalah bergantung kepada kesediaan industri untuk menambah baik, menyesuaikan diri, dan berinovasi. Forum ini diwujudkan untuk pertukaran amalan terbaik teknikal serta penelitian terhadap rangka kerja semasa. Dalam kita melangkah ke arah Wawasan 2035, matlamat kita tetap jelas: tenaga kerja yang berdaya tahan bukan sahaja dilindungi daripada bahaya yang nyata seperti jentera dan jatuh dari tempat tinggi tetapi juga daripada kegagalan sistematik dalam pengurusan keselamatan serta kelemahan kawalan risiko.

Rangka kerja keselamatan kebangsaan kita tidak boleh dibina secara bersendirian, sebaliknya ia mestilah dibina atas dasar



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Menteri yang bertanggungjawab ke atas Autoriti Kebangsaan, Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA), Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff semasa berucap pada Perasmian Forum Keselamatan 2026 pada Rabu, 20 Mei 2026 yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

kerjasama yang erat. Oleh itu, saya amat menggalakkan semua pemimpin industri, pengamal keselamatan dan kesihatan, para pendidik, serta tenaga kerja yang hadir untuk melihat keselamatan bukan sebagai satu perbelanjaan tetapi sebagai tonggak kecemerlangan operasi dan kematangan organisasi.

>> Muka 6

WAKTU SEMBAHYANG										
JUN MASIHI	HARI	MUHAMMAD HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
29	ISNIN	13	4.37	4.47	6.12	6.36	12.25	3.51	6.36	7.52
30	SELASA	14	4.37	4.47	6.12	6.36	12.25	3.51	6.36	7.52
1 JULAI	RABU	15	4.37	4.47	6.12	6.36	12.25	3.51	6.36	7.52
2	KHAMIS	16	4.38	4.48	6.12	6.36	12.25	3.51	6.36	7.52
3	JUMAAT	17	4.38	4.48	6.12	6.37	12.26	3.51	6.36	7.52
4	SABTU	18	4.38	4.48	6.13	6.37	12.26	3.51	6.37	7.52
5	AHAD	19	4.38	4.48	6.13	6.37	12.26	3.51	6.37	7.52

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
33 25 °C	33 25 °C	32 24 °C	
Pekan Bangar			
32 25 °C	32 24 °C	32 24 °C	
Pekan Tutong			
33 25 °C	33 25 °C	32 25 °C	
Kuala Belait			
33 25 °C	33 25 °C	32 25 °C	

Wallahuallah Bissawab
Sumber: Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 29 JUN 2026

Generasi kreatif global, pelbagaikan daya cipta dinamik

PEMUPUKAN daya kreativiti dan reka cipta dalam kalangan belia amat penting untuk melahirkan generasi berfikir kritis yang mampu mencipta penyelesaian baharu, membina produk inovatif, dan memacu ekonomi hingga ke peringkat antarabangsa.

Reka cipta merupakan satu medium yang sangat berkesan untuk membantu belia menonjolkan idea kreatif kerana ia bukan sekadar menghasilkan sesuatu yang baharu, tetapi juga melatih cara berfikir secara inovatif dan kritis.

Kita sedia maklum sebagai pemacu masa depan, belia yang berfikir kreatif cenderung bersifat inovatif dan suka menambah baik sesuatu perkara dan ini sangat penting untuk mereka memajukan diri sendiri. Sokongan dan galakan daripada kita adalah sebagai pencetus serta penyuntik semangat untuk mereka terus mencipta atau menghasilkan sesuatu produk yang lebih dinamik dan inovasi.

Melalui inovasi dan teknologi, belia boleh menerokai pelbagai cabang kerjaya dalam industri kreatif dan secara tidak langsung berpotensi untuk menjana ekonomi negara. Perlu diketahui kreativiti bukan sekadar seni tetapi kemahiran mental untuk mencari jalan penyelesaian yang unik.

Bagi memupuk daya reka cipta belia, pendedahan akar umbi dengan melatih minda generasi muda untuk berfikir secara reka cipta bermula dari sekolah lagi. Justeru, tidak hairan jika para belia masa kini berani mencuba sesuatu yang baharu. Begitu juga dengan penglibatan belia di peringkat antarabangsa dapat mengasah bakat seni dan budaya di samping memupuk keyakinan. Projek reka cipta mendorong kerjasama antara belia daripada pelbagai latar belakang serta membina jaringan antarabangsa. Di samping itu, mereka dapat belajar dengan memperolehi pengalaman untuk diadaptasikan dalam mencipta karya yang lebih efisien dan bermutu selain memberi mereka keyakinan akan kebolehan yang mereka miliki untuk diketengahkan ke negara luar. Dengan idea kreatif, belia dapat bersaing di peringkat global, bukan hanya sebagai pengguna teknologi tetapi juga pencipta.

Kita sangat bersyukur kerana sokongan kerajaan dan masyarakat setempat serta pelbagai pihak dalam sama-sama menaati keberhasilan para belia kita untuk melakukan perubahan yang lebih ketara dalam dunia reka karya. Pelbagai inisiatif disediakan oleh pihak kerajaan, agensi swasta untuk menyokong dan menaati bakat muda ini.

Sejajar dengan inovasi global dalam reka cipta, belia yang mempunyai pemikiran kreatif dapat belajar melihat masalah dari sudut berbeza dan mencipta penyelesaian yang unik. Dengan kemahiran teknologi yang ada, belia sering melibatkan penggunaan teknologi moden, membolehkan belia selari dengan perkembangan dunia digital.

Dalam dunia yang semakin maju, reka cipta bukan sekadar menghasilkan produk tetapi menjadi jambatan untuk belia menyumbang kepada inovasi global. Ia membentuk generasi yang bukan sahaja kreatif, tetapi juga relevan dengan keperluan masa depan.

- **Ketua Penyuntingan (Ri)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

210 PEGAWAI, KAKITANGAN KEMENTERIAN KESIHATAN TERIMA PINGAT KERJA LAMA



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan pingat kepada para penerima (kiri dan kanan), manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

>> Muka 1

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Guru Ugama Terlatih, Unit Perkhidmatan Ugama Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Awang Haji Mohd. Emmarul bin Haji Azmain.

Majlis diteruskan dengan penyampaian P.K.L. oleh tetamu kehormat kepada seramai 210 pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.

Majlis tersebut diadakan sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan terhadap kesetiaan, dedikasi serta pengorbanan para penerima yang telah mencurahkan



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

khidmat bakti mereka dengan penuh komitmen dan profesionalisme sepanjang tempoh perkhidmatan.

Sumbangan mereka bukan sahaja memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan perkhidmatan kesihatan negara, malah turut memberi impak yang bermakna kepada kesejahteraan dan kualiti kehidupan masyarakat di Negara Brunei Darussalam. Turut hadir, Pemangku

Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Dr. Awang Haji Mohd. Khalifah bin Pengiran Haji Ismail; ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.

Tanggungjawab bersama banteras penyalahgunaan, pengedaran dadah

>> Muka 1

Dalam Islam, akal merupakan nikmat besar yang perlu dipelihara.

Segala perkara yang merosakkan akal adalah ditegah, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : "Setiap yang memabukkan adalah haram". (Hadis Riwayat Muslim).

Masyarakat diingatkan agar tidak sesekali mencuba dadah walaupun sekali, memilih pergaulan yang baik serta bekerjasama dengan pihak berkuasa dalam memerangi penyalahgunaan dan pengedaran dadah haram.

Sindiket dadah mencari keuntungan, namun masyarakat menanggung kerugian.

Oleh itu, usaha membanteras dadah memerlukan sokongan dan tanggungjawab bersama demi melindungi generasi masa kini dan akan datang.

Demikian antara inti pati tazkirah yang disampaikan oleh Penolong Ketua Bahagian Pengembangan Da'wah (Da'wah Khas), Pusat Da'wah Islamiyah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Mohammad Nasyith bin Superi pada Munajat Khas anjuran KHEU Kali Ke-235 dengan kerjasama Biro Kawalan Narkotik (BKN) sempena Sambutan Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram 2026.

Program Munajat Khas malam tadi disemarakkan oleh warga kerja BKN, Jabatan Perdana Menteri (JPM).

■ Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

Turut menyertai, jemaah daripada beberapa buah masjid, dan warga kerja KHEU serta individu dari kediaman masing-masing.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pengarah BKN, Dato Paduka Haji Mohd. Zalani bin Haji Ismail dari Ibu Pejabat BKN, JPM, Jalan Tungku Gadong.

Diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Ketua Pegawai Narkotik I, BKN, JPM, Awang Mohamad Wendy bin Haji Awang@Abdul Razak dari Ibu Pejabat BKN, Jalan Tungku Gadong.

Seterusnya, bacaan Doa Munajat serta Doa Khas sempena

Sambutan Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram 2026 oleh Guru Ugama Terlatih Tingkat II, BKN, JPM, Awang Mohamad Usly Zam bin Budin dari BKN Cawangan Daerah Belait.

Selesai tazkirah, acara disusuli dengan laungan Selawat Asy-Syifa beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Pendidikan Ugama, BKN Cawangan Daerah Tutong, JPM, Awang Haji Mohd. Rozaini bin Haji Abdul Manaf dari BKN Cawangan Daerah Tutong.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Pelajaran, BKN, Awang Osmawadi bin Haji Talip

dari Ibu Pejabat BKN, Jalan Tungku Gadong.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan berikut : <http://tiny.cc/munajatkheu>.

سورھنجاي قرحمدتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1

2

Bahagian	Status	Uraian
I	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	00
A	PROSES PERAKUIAN	00
II	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	00
IV	TIDAK HADIR	00
I	DITOLAK SELEPAS TEMU DUGA	00
II	PEMOHON DITERIMA	00

3

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PELUANG MEMPERKUKUH KERJASAMA BIDANG SAINS, TEKNOLOGI, INOVASI, TRANSFORMASI DIGITAL

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN mengenai Sains, Teknologi dan Inovasi Ke-22 (AMMSTI-22) (atas dan kanan).

>> Muka 1

Para Menteri turut meneliti perkembangan 2026 Priority Economic Deliverables yang diterajui oleh Republik Filipina, iaitu the Regional Programme for STI on AI (Phase 1 - Health S&T) dan the ASEAN Declaration on Space Cooperation. Semasa mesyuarat berkenaan, pelancaran ASEAN Science, Technology and Innovation Fund (ASTIF) Call 2026, dengan tema 'ASEAN Grand Challenge : AI-Enabled Competitive and Resilient Region' telah diluluskan dengan jumlah pembiayaan sebanyak USD1.2 juta.

Mesyuarat juga melancarkan APASTI Monitoring and Evaluation (M&E) Dashboard, sebuah platform digital yang direka bagi memperkukuh akauntabiliti serta kerjasama berorientasikan hasil di seluruh rantau ini. Di samping itu, mesyuarat turut mengalu-alukan pelancaran rasmi ASEAN Technology Management Hub (ASEAN TMH), sebuah platform digital serantau untuk memperkukuh pemindahan teknologi, pengkomersialan hasil penyelidikan serta kerjasama inovasi di seluruh ASEAN.

Mesyuarat turut mengalu-alukan pengoperasian ASEAN - Korea High-Performance Computing (HPC) Facility di Republik Indonesia, iaitu infrastruktur superkomputer serantau pertama ASEAN yang dikongsi bersama, yang akan menyokong penyelidikan dan inovasi lanjutan dalam bidang seperti Kecerdasan Buatan (AI), pemodelan iklim, ramalan bencana dan bioteknologi.

Mesyuarat berkenaan turut memberikan peluang kepada Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk memperkukuh kerjasama dalam pembangunan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI). Penyertaan NBD dalam APASTI juga membolehkan negara ini mendapatkan akses kepada mekanisme serantau yang dapat menyokong pembangunan inovasi, termasuk pembiayaan kolaboratif melalui ASTIF Call 2026, perkongsian Regional Research Infrastructure serta ASEAN Talent Management Hub (TMH).

Ini membolehkan NBD memanfaatkan kepakaran dan sumber serantau dalam memajukan agenda STI negara. Semasa mesyuarat berkenaan,

NBD menyampaikan pandangan mengenai hala tuju masa hadapan serta keutamaan bagi pelaksanaan APASTI.

Pertama, keperluan untuk mengenal pasti dan melabur dalam bidang-bidang keutamaan serantau, termasuk melaksanakan inventori kemahiran inovasi dan bakat tenaga kerja di setiap Negara Anggota ASEAN.

Sementara kedua, memastikan pencapaian dan hasil tahunan pada masa hadapan dirangka berasaskan kerjasama yang kukuh dan inklusif merentasi Tonggak-tonggak ASEAN, dengan mengambil kira bahawa Negara-negara Anggota berada pada tahap kematangan inovasi yang berbeza serta peranan negara yang lebih maju dalam membantu memperkukuh keupayaan negara-negara lain.

Manakala ketiga, keperluan untuk memastikan mekanisme pembiayaan kekal terbuka dan boleh diakses oleh semua Negara Anggota tanpa mengira keadaan dan tahap pembangunan masing-masing dengan menjadikan ASTIF Call 2026 serta pembangunan Infrastruktur Penyelidikan Serantau yang dikongsi bersama sebagai contoh model kerjasama yang perlu diperkukuh pada masa hadapan.

NBD turut mengemukakan cadangan panduan khusus berhubung 2026 Priority Economic Deliverables. Berkaitan dengan AI dalam sektor kesihatan, NBD menekankan keperluan untuk membangunkan piawaian serantau bagi memastikan kemajuan inovasi berjalan seiring dengan keyakinan serta keselamatan awam.

Manakala dalam bidang kerjasama angkasa lepas, NBD menyeru negara-negara anggota yang lebih maju untuk berkongsi pengalaman serta menyokong pembangunan keupayaan angkasa lepas serantau, termasuk melalui pembangunan modal insan dalam teknologi angkasa lepas serta memperkukuh kerjasama dalam pembangunan agensi-agensi berkaitan angkasa lepas.

NBD menegaskan bahawa pelaksanaan APASTI hendaklah kekal praktikal, inklusif dan diukur



berdasarkan hasil yang dapat dinikmati oleh setiap negara anggota, agar ASEAN dapat berkembang sebagai sebuah rantau yang lebih berdaya tahan, lebih mampan dan lebih berdaya saing secara bersama.

Delegasi NBD ke AMMSTI-22 telah diketuai oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Manakala Mesyuarat Ke-89 Jawatankuasa ASEAN Mengenai Sains, Teknologi dan Inovasi (COSTI-89) serta mesyuarat-mesyuarat bersama rakan dialog telah dihadiri oleh Setiausaha Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof.

Sesi-sesi berkenaan termasuk mesyuarat di peringkat pegawai kanan bersama rakan dialog seperti Jepun, Republik Korea dan Republik Rakyat China.

Semasa mesyuarat berkenaan, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi turut mengadakan beberapa mesyuarat dua hala bersama rakan sejawat daripada Negara-negara Anggota ASEAN bagi membincangkan peluang untuk memperkukuh kerjasama dalam bidang sains, teknologi, inovasi dan transformasi digital.

Perbincangan berkenaan menegaskan semula komitmen

NBD dalam memajukan kerjasama yang praktikal dan berorientasikan hasil di bawah kerangka serantau termasuk APASTI, khususnya dalam bidang AI, pembangunan modal insan dan teknologi berdaya tahan terhadap perubahan iklim.

Mesyuarat berkenaan juga memberikan peluang untuk bertukar-tukar pandangan mengenai transformasi digital dan pembangunan kemahiran di bidang Science, Technology, Engineering, dan Mathematics (STEM). Ia turut menekankan kepentingan penglibatan berterusan dalam kalangan pegawai bagi menyokong pelaksanaan strategi nasional dan serantau serta menggalakkan pembelajaran rakan sebaya dan kerjasama yang lebih erat dalam kalangan Negara ASEAN dan rakan-rakannya.

Negara-negara Anggota ASEAN perlu bekerjasama secara kolektif untuk menterjemahkan strategi kepada hasil yang nyata melalui perkongsian pengetahuan yang lebih meluas, kerjasama teknologi rentas sempadan yang dipertingkatkan serta usaha merapatkan jurang digital di seluruh rantau ini.

Pada masa yang sama, ASEAN akan terus memperkukuh pembangunan kapasiti dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan sebagai pemangkin utama kepada pelaksanaan Pelan Tindakan ASEAN Mengenai Sains, Teknologi dan Inovasi (APASTI) secara berkesan.




TUMPUKAN PERHATIAN PADA JALAN RAYA, JAUHI TELEFON BIMBIT.

WATCH THE ROAD, KEEP YOUR MOBILE PHONE AWAY.

Road Safety Depends on #YouAndMe



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Keselamatan Data Peribadi dalam Era Digital'. Tarikh Tutup : 1 Julai 2026
2. 'Hijrah: Mengubah Diri, Mengubah Dunia'. Tarikh Tutup : 8 Julai 2026
3. 'Persekitaran Sihat, Selamat Pengaruhi Kehidupan Masyarakat'. Tarikh Tutup : 15 Julai 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Memperkukuhkan sistem pendidikan negara kekal relevan, berdaya tahan, responsif



YANG Mulia Timbalan Menteri Pendidikan semasa menghadiri Meja Bulat Menteri-menteri mengenai Akses dan Pembangunan Lestari dalam Pengajian Tinggi yang berlangsung secara maya (atas dan kanan).

>> Muka 1

Dalam kenyataan dari Negara Brunei Darussalam (NBD), Yang Mulia Timbalan Menteri Pendidikan menegaskan bahawa akses yang saksama kepada pengajian tinggi yang berkualiti merupakan tanggungjawab bersama di peringkat serantau dan seterusnya mengongsikan mengenai pelbagai bentuk sokongan yang disediakan oleh

NBD bagi memperluas akses kepada pengajian tinggi.

Di samping itu, penekanan turut diberikan kepada kepentingan mengintegrasikan aspek kelestarian dalam pengajaran, penyelidikan dan operasi institusi bagi menyokong pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs).

Sebelum Meja Bulat tersebut diadakan, satu sesi dialog dasar bagi pegawai-pegawai kanan bertajuk Dialog Dasar Peringkat Tinggi ASEAN mengenai Akses kepada Pendidikan Tinggi Berkualiti : Transformasi Digital dan Kemampanan telah berlangsung secara maya pada Khamis, 25 Jun 2026.

Mewakili NBD ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Awang Haji Azman bin Ahmad.

Sesi ini mendengarkan penyampaian ucap tama, perbincangan panel serta sesi dialog yang memfokuskan kepada isu akses, transformasi digital, kelestarian dan penyelarasan serantau dalam sektor pengajian tinggi.



Penyertaan NBD dalam Meja Bulat dan Dialog Dasar ini mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Pendidikan dalam memperkukuhkan sistem pendidikan negara agar kekal relevan, berdaya tahan dan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

responsif terhadap perkembangan global selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Turut menyertai rombongan Yang Mulia Timbalan Menteri

Pendidikan dan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) ke kedua-dua acara berkenaan ialah beberapa pegawai daripada Kementerian Pendidikan.

MESYUARAT MENILAI PENCAPAIAN, MENGEMUKAKAN PANDANGAN HALA TUJU STRATEGIK



KOPERASI Alumni Al-Azhar (KOPAZ) Berhad semasa mengadakan Mesyuarat Agung Kedua yang turut dihadiri oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Pendidikan selaku Naib Pengerusi KOPAZ Berhad (atas dan atas kiri).

Oleh : Aimi Sani
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

GADONG, Ahad, 28 Jun. - Koperasi Alumni Al-Azhar (KOPAZ) Berhad mengadakan Mesyuarat Agung Kedua bertempat di Dewan Auditorium, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), hari ini.

Hadir bagi mempengerusikan mesyuarat tersebut ialah Pengerusi Lembaga KOPAZ Berhad bagi Sesi 2025 - 2026, Dato Seri Setia Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof bersama Ahli-ahli Lembaga KOPAZ Berhad, ahli-ahli koperasi serta jemputan yang hadir bagi mengikuti perjalanan mesyuarat berkenaan.

Juga hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin

Haji Zainal selaku Naib Pengerusi KOPAZ Berhad.

Mesyuarat yang menghimpunkan Ahli-ahli KOPAZ Berhad itu menjadi platform utama bagi membentangkan Penyata Kewangan bagi Tahun 2025 - 2026, laporan tahunan Lembaga KOPAZ Berhad, laporan Jawatankuasa Audit Dalaman serta cadangan anggaran belanjawan bagi Sesi 2026 - 2027.

Selain itu, mesyuarat turut menyaksikan pembubaran Ahli Lembaga KOPAZ Berhad bagi Sesi 2025 - 2026 dan pemilihan serta pelantikan Ahli Lembaga baharu bagi Sesi 2026 - 2027. Mesyuarat juga menyaksikan pelantikan Dato Seri Setia Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya

Maharaja Lela Haji Yussof sebagai Pengerusi Lembaga KOPAZ Berhad bagi Sesi 2026 - 2027 untuk menerajui kepimpinan koperasi bagi penggal yang baharu.

Dalam perkembangan lain, KOPAZ Berhad telah berjaya membuka premis perniagaan pertamanya iaitu KOPAZ Daycare, yang pada masa ini telah mula membuka pendaftaran kepada orang ramai. KOPAZ Daycare telah mengadakan Majlis Pembukaan Awal (Soft Opening) pada 17 Jun 2026 bersempena Sambutan Awal

Tahun 1448 Hijrah.

Premis yang terletak di No. 3, Simpang 287, Kampung Sengkurong 'B', BG1321, Negara Brunei Darussalam itu merupakan salah satu inisiatif KOPAZ Berhad dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak kepada masyarakat.

Penganjuran Mesyuarat Agung Kedua ini mencerminkan komitmen KOPAZ Berhad dalam mengamalkan tadbir urus yang telus, berintegriti dan berteraskan prinsip syura, di samping

memberi peluang kepada ahli-ahli untuk bersama-sama menilai pencapaian, mengemukakan pandangan serta menyumbang kepada hala tuju strategik koperasi pada masa hadapan.

KOPAZ Berhad berharap Mesyuarat Agung Kedua ini akan memperkukuhkan semangat kebersamaan dalam kalangan ahli serta menjadi pemangkin kepada pembangunan koperasi yang lebih progresif, mampan dan mampu memberi manfaat kepada seluruh ahli serta masyarakat.

MPM SERASA ANJUR PERTANDINGAN MEMASAK



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara (DBM) hadir selaku tetamu kehormat pada Pertandingan Memasak Masakan Tradisional bagi Mukim - mukim di bawah DBM. Turut hadir bersama, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, penghulu mukim serta ketua-ketua kampung (atas dan kanan).

SERASA, Ahad, 28 Jun. - Majlis Perundingan Mukim (MPM) Serasa dengan kerjasama bersama Jabatan Daerah Brunei dan Muara telah mengunyahkan Pertandingan Memasak Masakan Tradisional bagi Mukim - mukim di bawah Daerah Brunei dan Muara.

Sebanyak empat kategori telah dipertandingkan iaitu Kategori Masakan Daging, Masakan Ayam, Masakan Sayur dan Kategori Masakan Terbuka (bebas kecuali ikan).

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran

Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim. Turut hadir bersama, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, penghulu mukim serta ketua-ketua kampung.

Majlis juga diserikan dengan Pertandingan Bunga-bunga Hidup dibukakan kepada Ahli-ahli MPM



■ Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Perundingan Mukim Serasa

Serasa serta pameran dan jualan produk-produk Mukim Serasa.

Pertandingan ini diadakan bagi mengeratkan silaturahim antara penduduk kampung; meningkatkan kreativiti dan daya cipta dalam

bidang kulinari; memartabatkan masakan tradisional sebagai warisan budaya bangsa dan mewujudkan peluang keusahawanan kecil dalam komuniti setempat.



BERAKAS, Ahad, 28 Jun. - Dalam usaha untuk memupuk semangat kerjasama yang kukuh dan berpanjangan dalam kalangan ahli sesebuah pasukan, Kementerian Pendidikan melalui Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan, Jabatan Pendidikan Kokurikulum dengan

kerjasama Majlis Belia Brunei (MBB) telah menganjurkan Kursus Latihan Projek Sukarelawan bagi Pasukan Sukarelawan Institusi Pendidikan (PSIP).

Sehubungan itu, Majlis Penutup Kursus Latihan Projek Sukarelawan bagi Pasukan Sukarelawan Institusi Pendidikan (PSIP) diadakan petang

tadi, bertempat di Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penutup bengkel tersebut ialah Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Norilham bin Haji Jais.

Kursus antara lain bertujuan untuk memberi peluang kepada Ahli PSIP untuk menyampaikan pendapat, berkongsi pandangan serta melibatkan diri secara aktif dalam setiap aktiviti yang dijalankan.

Selain itu, ia juga bertujuan memperkukuhkan hubungan sesama ahli pasukan bagi mewujudkan kerjasama yang lebih erat dan berkesan.

Melalui kursus ini, diharapkan akan lahir individu yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan serta mampu menjadi pemimpin yang berwibawa dalam masyarakat.

Pupuk kerjasama erat dalam kalangan PSIP

■ Berita dan Foto : Ak. Mohamad Zaki Pg. Haji Kasharan



PEMANGKU Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Norilham bin Haji Jais hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Kursus Latihan Projek Sukarelawan bagi Pasukan Sukarelawan Institusi Pendidikan (atas dan atas kiri).

HALUAN

>> Muka 2

Perbincangan hari ini bukan sahaja harus menekankan kejayaan, tetapi juga mengambil pengajaran daripada cabaran kolektif yang telah dihadapi. Kita mesti menyedari bahawa setiap kegagalan keselamatan menyediakan data kritikal untuk mencegah bencana pada masa hadapan. Ini menjadikan perkongsian amalan terbaik yang telus sebagai satu peluang strategik untuk membina daya tahan. Adalah menjadi aspirasi kita agar majlis ini dilihat sebagai jalan ke arah mencapai matlamat organisasi melalui pawaian kerjasama dan pertukaran antara sektor yang tinggi nilainya.


Dengan perasmian Forum Keselamatan 2026, marilah kita memanfaatkan platform ini untuk beralih daripada kesedaran umum kepada pelaksanaan strategi yang jelas. Objektif kita hari ini adalah untuk memastikan pawaian yang kita tetapkan bukan sahaja tertulis di atas kertas, tetapi diamalkan sepenuhnya, demi menjamin masa depan yang lebih selamat bagi setiap tenaga kerja di NBD. Dengan berkat dan izin Allah Subhanahu Wata'ala, saya dengan sukacitanya merasmikan Forum Keselamatan 2026.

Akhirnya, dengan lafaz *Bismillahir Rahmanir Rahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan Forum Keselamatan 2026. Terima kasih. *Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn



*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PROJEK BORNEO PULAU BERSEJARAH KALI KE-2 : MENINGKATKAN KESEDARAN MASYARAKAT TERHADAP KEPENTINGAN SEJARAH BORNEO

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



BERAKAS, Sabtu, 27 Jun. - Pusat Sejarah Brunei (PSB) melalui Bahagian Pusat Pengkajian Borneo (*penBORNEO*) menganjurkan Projek Borneo Pulau Bersejarah Kali Ke-2 bertemakan 'Selami Sejarah Borneo' yang berlangsung selama dua hari pada 27 dan 28 Jun 2026.

Pelaksanaan projek berkenaan adalah sebagai usaha berterusan dalam memperkukuh dan memperkembangkan lagi peranan PSB dalam memelihara, mengkaji dan menyebarkan pengetahuan berkaitan sejarah Borneo.

Menerusi projek berkenaan, ia juga dihasratkan untuk memperkenalkan serta memperluas lagi jangkauan

penBORNEO sebagai sebuah pusat rujukan dan pengkajian sejarah Borneo, di samping menyediakan platform perkongsian ilmu berkaitan sejarah, warisan, budaya serta perkembangan tamadun Melayu di rantau ini.

Projek berkenaan turut diselenggarakan dengan Majlis Perasmian Galeri Pameran *penBORNEO* dan Pameran Peta-Peta Borneo yang berlangsung tadi pagi.

Galeri Pameran *penBORNEO* mengetengahkan tentang peranan, perkhidmatan, usaha dan pencapaian bahagian berkenaan dari sejak ia ditubuhkan, manakala Pameran Peta-peta Borneo pula memperkenalkan peta-peta yang jarang dan sukar ditemui yang lazimnya

dijadikan sebagai sumber rujukan sejarah yang bernilai tinggi dalam memahami perkembangan sejarah, geografi dan peradaban Pulau Borneo.

Perasmian Galeri Pameran *penBORNEO* dan Pameran Peta-peta Borneo berkenaan telah disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir, Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Encik Abdul Munir Lutfi bin Said; Head of Chancery, Pengarah Hal Ehwal Sosial dan Budaya merangkap wakil dari Kedutaan Besar Republik Indonesia, Agus Buana; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan daripada sektor kerajaan dan swasta; para ahli akademik dan mahasiswa dan mahasiswi institusi-institusi pengajian tinggi.

Projek berkenaan diserikan dengan Program Ceramah Sejarah Borneo bagi Siri Ke-14 yang menampilkan dua ahli panel berpengalaman, iaitu mantan Timbalan Pengetua PSB, Dr. Awang Haji Abdul Karim bin Haji Abdul Rahman, yang merupakan seorang sejarawan, penyelidik dan penulis prolific.

Manakala panel kedua pula ialah Penolong Profesor di Institute of Asian Studies,



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Perasmian Galeri Pameran *penBORNEO* dan Pameran Peta-peta Borneo berkenaan (kiri dan atas).

Universiti Brunei Darussalam, Dr. Chun Sheng Goh, yang merupakan seorang penyelidik aktif dalam bidang pembangunan lestari di Borneo khususnya berkaitan dengan penggunaan tanah, tenaga, kawasan sempadan dan identiti.

Penganjuran program berkenaan diharapkan dapat meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan sejarah Borneo, memupuk

penghargaan terhadap warisan budaya serta memperkukuh jati diri generasi akan datang.

Program berkenaan juga menjadi wadah perkongsian ilmu yang berperanan dalam usaha memelihara dan melestarikan khazanah sejarah seiring dengan perkembangan tamadun di rantau Borneo terutama dalam kalangan golongan belia, pengkaji dan pencinta sejarah.

JKG Brunei Team prihatin terhadap klien MKM



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 Jun. - Seramai 20 ketua keluarga yang terdiri daripada klien-klien Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) hari ini menerima sumbangan makanan asasi daripada JKG Brunei Team berlangsung di Pejabat MKM, Anggerek Desa, di sini.

Penyampaian sumbangan

PENYAMPAIAN sumbangan diketuai oleh Ketua JKG Brunei Team, Jeslyn Khoo.

negara ini.

Inisiatif amal ini dianjurkan JKG Brunei Team, yang merupakan sebuah kumpulan yang terdiri daripada individu daripada pelbagai latar belakang profesional dan pendidikan. Ahli kumpulan berkenaan juga merupakan sebahagian daripada yang mempunyai platform pendidikan kewangan.

Melalui inisiatif yang bermakna ini, kumpulan ini berhasrat untuk memberi kembali kepada masyarakat sambil mempromosikan nilai belas kasihan, kesukarelawanan dan tanggungjawab sosial.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen kumpulan untuk mencipta impak positif dan memberi inspirasi kepada lebih ramai individu untuk menyumbang ke arah membina masyarakat penyayang. Pengagihan sumbangan tersebut adalah merupakan inisiatif kumpulan berkenaan untuk membantu keluarga yang kurang berkemampuan di negara ini.

ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

ELAKKAN MEMANDU DI LORONG KANAN

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda

PROGRAM LITERASI PENERANGAN BELIA DAERAH TUTONG TUTUP TIRAI

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman. Pg. Nur Hafilah Pg. Osman



BERAKAS, Sabtu, 27 Jun. - Program Literasi Penerangan bagi Belia Daerah Tutong menutup tirainya petang tadi dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil yang berlangsung di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan, di sini.

Hadir dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta, Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Awang Haji Emzah.

Program berkenaan disertai oleh 39 belia daripada pelbagai institusi pengajian tinggi, antaranya Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Kampus Sinaut Tutong; Universiti Teknologi Brunei (UTB); Universiti Al-Azhar, Mesir; Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB); Politeknik Brunei (Kampus Lumut); dan Laksamana College of Business (LCB).

Atur cara program hari kedua dimulakan dengan taklimat mengenai 'Perkongsian

perjalanan Micro, Small and Medium Enterprises (MSMEs)' yang dikongsikan oleh Helmi Abdullah Fitness (HAF), Kampung Mata-Mata.

Para peserta juga berpeluang mendengar taklimat bertajuk 'Memahami Konsep Inclusivity' yang disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Bahagian Orang Kelainan Upaya, Dayang Nurul Nazurah binti Jaya; Pekerja Tingkat II (Tetap), Awang Muhammad Jamary bin Danggat; dan Penolong Pengajar, Dayangku Hajah Razainah binti Pengiran Haji Daud serta belajar bahasa isyarat dan tatacara penggunaan mesin *braille* serta mobiliti bersama warga Pusat Bahagia Brunei dan Muara.

Manakala taklimat bertajuk 'Peranan dan Tanggungjawab Sebagai Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan, Dayang Nur Zahirah binti Haji Osman, selaku Ketua Cawangan



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Awang Haji Emzah hadir dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta program (atas dan atas kiri), manakala gambar bawah, para peserta berpeluang menghadiri taklimat mengenai 'Perkongsian perjalanan Micro, Small and Medium Enterprises (MSMEs)' yang dikongsikan oleh Helmi Abdullah Fitness (HAF), Kampung Mata-Mata.

Penerangan Daerah Tutong.

Kandungan taklimat antara lain menyentuh mengenai peranan dan tanggungjawab rakyat kepada negara dan pemerintah, masyarakat serta keluarga dalam sama-sama menyumbang untuk kesejahteraan negara.

Sementara pada sebelah petang pula, para peserta mendengarkan taklimat mengenai 'Menambat Dastar dan Menapih Sinjang' yang disampaikan oleh Penyelia Adat Istiadat, Pateh Awang Haji Roslan bin Haji Asmat; dan Pekerja Adat Istiadat dari Jabatan Adat Istiadat Negara (JAIN), Awang Nur Hadi@ Eddynoor bin Haji Ali.

Selain mendengarkan taklimat, para peserta juga berpeluang mempelajari dan menyertai aktiviti menambat dastar dan menapih sinjang dengan bimbingan para pegawai dari JAIN.

Program Literasi Penerangan merupakan salah satu inisiatif Jabatan Penerangan

menggunakan pendekatan Whole of Nation dan Whole of Government yang antara lain dihasratkan untuk melahirkan para belia berwawasan, mempunyai jati diri yang kukuh

serta memiliki nilai luhur ciktakan agama, bangsa dan negara yang tinggi serta memupuk rasa tanggungjawab ke arah memastikan Wawasan Brunei 2035 tercapai dengan jayanya.



MAJLIS Menandatangani Perjanjian Tajaan Bersama Penaja Best914 Ke-22 di mana RTB diwakili oleh Pemangku Pengarah RTB, Awang Cheong Chee Keong, manakala syarikat-syarikat penaja, iaitu KFC Brunei Sdn. Bhd., I-Lotus Restaurant, OneCity Management Sdn. Bhd. dan The Rizqun International Hotel diwakili oleh pengurus atau wakil syarikat masing-masing (atas dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Radio Televisyen Brunei

BANDAR SERIBEGAWAN, Sabtu, 27 Jun. - Majlis Menandatangani Perjanjian Tajaan Bersama Penaja Best914 Ke-22 diadakan hari ini bertempat di Bangunan Sekretariat, Ibu Pejabat Radio Televisyen Brunei (RTB), di ibu negara.

RTB telah diwakili oleh

Pemangku Pengarah, Awang Cheong Chee Keong untuk menandatangani perjanjian berkenaan, manakala syarikat-syarikat penaja, iaitu KFC Brunei Sdn. Bhd., I-Lotus Restaurant, OneCity Management Sdn. Bhd. dan The Rizqun International

RTB tandatangani perjanjian bersama para penaja Best914



Hotel diwakili oleh pengurus atau wakil syarikat masing-masing.

Best914 merupakan sebuah pertandingan nyanyian yang menampilkan juara bulanan daripada Segmen Vokal, iaitu program nyanyian melalui telefon

yang disiarkan setiap Rabu malam di Pelangi FM.

Best914 Ke-22 kali ini mengetengahkan barisan penuh 12 finalis yang terdiri daripada juara bulanan Segmen Vokal sepanjang 2025.

Pertandingan Pentas Akhir

Best914 Ke-22 akan bersiaran secara langsung dari OneCity Shopping Centre pada Sabtu, 4 Julai 2026 bermula jam 8.00 malam.

Orang ramai adalah dialu-alukan hadir menyaksikan dan meyokong finalis-finalis yang bertanding.

TINGKATKAN KEFAHAMAN, PENGHAYATAN IBADAH ZAKAT



ANTARA yang menyertai Program Ikon Muallaf 2.0 : Jalan Lima Sesi Ke-4 'Zakat : From Heart to Hands' yang diadakan bertempat di Bilik Juri dan Community Hub, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas (atas dan atas kanan).

Oleh : Aimi Sani
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Sabtu, 27 Jun. - Belia Muallaf As-Syahadah dengan kerjasama Urus Setia Program Keagamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menganjurkan Program Ikon Muallaf 2.0 : Jalan Lima Sesi Ke-4 'Zakat : From Heart to Hands' yang diadakan bertempat di Bilik Juri dan Community Hub, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Program ini adalah bahagian

keempat daripada Program Ikon Muallaf 2.0 : Jalan Lima yang memberi fokus kepada penghayatan Rukun Islam yang keempat iaitu Zakat. Seramai 50 peserta yang terdiri daripada peserta Program Ikon Muallaf 2.0 dan ahli jawatankuasa program telah mengambil bahagian dalam sesi tersebut.

Melalui program ini, para peserta didedahkan kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai

maksud, konsep dan kepentingan zakat sebagai salah satu Rukun Islam serta ibadah yang memainkan peranan penting dalam kehidupan seorang Muslim. Selain itu, peserta turut mempelajari kaedah pengiraan dan tatacara menunaikan zakat dalam situasi praktikal kehidupan seharian.

Sesi ini juga memberi penekanan kepada penghayatan hikmah dan impak zakat sebagai satu bentuk sumbangan peribadi yang mampu membantu golongan yang memerlukan serta memperkukuhkan



kesejahteraan dan keharmonian masyarakat.

Program ini diharapkan dapat menjadi platform yang berkesan dalam memperkukuhkan kefahaman dan penghayatan ibadah zakat dalam kalangan saudara baharu, di samping membimbing mereka memahami kaedah pengiraan dan penunaianya dengan lebih yakin, usaha membina identiti Muslim yang praktikal dan berteraskan nilai-nilai Islam turut membantu

peserta menghayati kesan sumbangan peribadi mereka dalam mengukuhkan ikatan komuniti dan menyantuni masyarakat secara syumul.

Justeru, pelaksanaan program seumpama ini diharapkan akan terus mendapat sokongan dan kerjasama daripada pelbagai pihak dalam usaha melahirkan saudara baharu yang berilmu, berkeyakinan serta berdaya tahan dalam menghayati dan mengamalkan ajaran Islam secara menyeluruh.

20 murid Darjah VI SU Berakas Garison diraikan



SEKOLAH Ugama Berakas Garison semasa mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan seramai 20 murid Darjah VI yang berjaya menamatkan bacaan Al-Quran (atas dan bawah).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BERAKAS, Sabtu, 27 Jun. - Dalam usaha menyemarakkan budaya membaca Al-Quran serta melahirkan generasi celik Al-Quran yang berpegang teguh kepada ajaran Islam, amalan membaca Al-Quran diterapkan kepada murid-murid sejak awal persekolahan ugama sehingga mereka berjaya menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran pada peringkat Darjah VI dan seterusnya diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran.

Sehubungan itu, Sekolah Ugama Berakas Garison telah

mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan seramai 20 murid Darjah VI yang berjaya menamatkan bacaan Al-Quran berlangsung di Surau Al Fa'izun, Berakas Garison.

Daripada jumlah tersebut, seramai lapan orang terdiri daripada murid lelaki dan 12 murid perempuan.

Hadir selaku tetamu khas majlis ialah Ketua Unit Akademik dan Peperiksaan, Bahagian Sekolah Ugama, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Sunarty

binti Ahmad.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu khas majlis, diikuti dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam. Acara kemudiannya diteruskan dengan bacaan Takhtim dan diikuti dengan bacaan Doa Khatam yang dipimpin oleh Awang Ahmad Danial bin Ahmad Faizal.

Seterusnya, majlis menyaksikan penyampaian sijil dan merenjis minyak wangi kepada para peserta khatam disempurnakan oleh tetamu khas majlis dengan diiringi persembahan Dikir Marhaban oleh murid-murid Darjah IV dan V sebelum diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Bismi Shahduan bin Haji Mohamed.

Penganjuran Majlis Khatam Al-Quran di sekolah-sekolah ugama memainkan peranan penting dalam membudayakan pembacaan Al-Quran dalam kalangan generasi muda selaras dengan aspirasi Negara Zikir.

Selain menjadi wadah untuk menggalakkan kecintaan terhadap Al-Quran, majlis seumpama ini juga mencerminkan komitmen JPI, KHEU dalam memartabatkan nilai-nilai Islam serta memperkukuhkan penghayatannya dalam kehidupan seharian masyarakat di Negara Brunei Darussalam.



60 pain darah berjaya dikumpulkan

Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Methanol Sdn. Bhd.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 Jun. - Brunei Methanol Sdn. Bhd. (BMC) berjaya mengumpul 60 pain darah semasa Kempen Derma Darah dalaman tahunannya yang diadakan baru-baru ini sempena Hari Penderma Darah Sedunia.

Diadakan dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Suri Seri Begawan di bawah Jabatan Perkhidmatan Makmal, kempen berkenaan telah mengumpulkan para pekerja dan kontraktor yang secara sukarela menderma darah untuk membantu menambah bekalan darah negara yang sangat diperlukan serta menyokong pesakit yang memerlukan.

Kempen Derma Darah tahunan ini merupakan sebahagian daripada strategi Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) BMC, iaitu #RESPECT, yang memupuk budaya prihatin, tanggungjawab dan belas kasihan dalam kalangan para pekerjaanya di samping menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan.

Hari Penderma Darah Sedunia yang disambut setiap tahun pada 14 Jun, bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan bekalan darah yang selamat serta mengiktiraf sumbangan tidak ternilai daripada penderma sukarela di seluruh dunia.

BMC berbangga menjadi sebahagian daripada inisiatif global yang bermakna berkenaan.



ANTARA yang hadir mendermakan darah.

MEMPERKASA INDIVIDU MENCAPAI MATLAMAT KEWANGAN DENGAN LEBIH YAKIN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



BANDAR SERI BEGAWAN,

Sabtu, 27 Jun. – Bank Baiduri baru-baru ini melancarkan program Baiduri Smart yang diperbaharui sempena Pesta Pengguna dan Ekspo Perdagangan Ke-33 (CFTE33), yang berlangsung di Pentas Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC).

Pelancaran berkenaan menandakan satu pencapaian penting dalam usaha berterusan bank untuk mempertingkatkan penawaran selaras dengan keperluan dan aspirasi pelanggan yang sentiasa berubah.

Sebelum ini dikenali sebagai program Baiduri Smart Executive, Baiduri Smart yang diperbaharui direka semula bagi menawarkan nilai yang lebih menyeluruh dan relevan kepada golongan profesional masa kini serta segmen pelanggan berpendapatan sederhana tinggi (*emerging affluent*), dengan menyokong mereka pada setiap peringkat kewangan.

Hadir melancarkan program berkenaan, Ketua Perbankan Runcit Bank Baiduri, Lim Kian Chiong.

Pelancaran berkenaan turut

menjadi sebahagian daripada penyertaan lebih luas Bank Baiduri di CFTE33, dengan para pengunjung berpeluang meneroka pelbagai produk, perkhidmatan dan pengalaman kewangan interaktif yang ditawarkan oleh bank.

Sementara itu, Lim Kian Chiong menjelaskan, program Baiduri Smart yang diperbaharui berkenaan direka dengan teliti bagi mencerminkan keperluan dan aspirasi pelanggan mereka yang sentiasa berubah.

Menurutnya, ia bukan sekadar menawarkan perkhidmatan perbankan, malah bertujuan memperkasa individu untuk mencapai matlamat peribadi dan kewangan mereka dengan lebih yakin.

Beliau menambah, Baiduri Smart menghimpunkan pelbagai manfaat yang dipilih khas, termasuk kadar dan yuran istimewa, keistimewaan gaya hidup eksklusif serta akses kepada penyelesaian kewangan yang disesuaikan dan ini merupakan cara mereka menyokong pelanggan dalam membina kesejahteraan kewangan jangka panjang sambil menikmati

KETUA Perbankan Runcit Bank Baiduri, Lim Kian Chiong melancarkan Baiduri Smart yang diperbaharui sempena Pesta Pengguna dan Ekspo Perdagangan Ke-33 dan seterusnya bergambar ramai (atas kiri dan atas kanan).

ganjaran bermakna dalam kehidupan seharian.

Baiduri Smart direka khusus untuk golongan profesional dan individu yang bercita-cita tinggi, dengan menawarkan pelbagai manfaat bagi meningkatkan pengalaman kewangan dan gaya hidup, termasuk kadar dan yuran istimewa bagi produk pelaburan dan pembiayaan, pilihan simpanan dan pembiayaan pintar yang direka mengikut keperluan individu, akses kepada tawaran eksklusif, acara khas dan pelbagai keistimewaan gaya hidup; dan pengalaman perbankan yang lebih menyeluruh, berteraskan kesejahteraan kewangan melalui Pusat Kesejahteraan Kewangan (Financial Wellness Centre) serta khidmat nasihat peribadi daripada perancang kewangan yang berdedikasi.

Melalui manfaat berkenaan, Baiduri Smart bertujuan menyediakan pelanggan dengan alat yang praktikal dan insentif yang bermakna untuk mengurus

kewangan dengan lebih berkesan, di samping menghargai kemajuan dan pencapaian mereka.

Pelancaran program Baiduri Smart yang diperbaharui berkenaan mencerminkan komitmen Bank Baiduri dalam menyokong pelanggan di setiap peringkat perjalanan kewangan mereka.

Dengan menggabungkan perkhidmatan perbankan harian, manfaat gaya hidup dan perancangan kewangan jangka panjang, bank terus mengukuhkan kedudukannya sebagai rakan kewangan yang dipercayai dalam membantu pelanggan mencapai keyakinan kewangan.

Para pengunjung CFTE33 boleh menikmati pelbagai pengalaman interaktif yang menjadikan perancangan kewangan lebih mudah diakses dan menarik.

Antaranya termasuk Financial Health Check Tool dan Loan Calculator, aktiviti berpandu, permainan, cabaran Spin-the-Wheel, hadiah menarik

serta peluang untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Baiduri Smart dan berinteraksi dengan wakil Bank Baiduri bagi meneroka bagaimana program berkenaan dapat membantu mencapai matlamat kewangan masing-masing.

Sebagai sebahagian daripada penyertaannya di pameran berkenaan, Bank Baiduri turut menawarkan pelbagai promosi eksklusif, termasuk kempen pulangan tunai sehingga 10 peratus kepada pemegang Kad Baiduri yang layak bagi setiap transaksi di peniaga yang mengambil bahagian dalam CFTE33.

Tawaran berkenaan memberi nilai tambahan kepada para pengunjung ketika membeli-belah dan meneroka pameran.

Untuk maklumat lanjut mengenai Baiduri Smart, termasuk syarat kelayakan dan manfaat yang ditawarkan, boleh melayari www.baiduri.com.bn/smart atau kunjungi wakil Bank Baiduri di CFTE33.

Tanda kesyukuran serta menghidupkan amalan berkongsi rezeki

Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Perundingan Kampung Kawasan 5, Rancangan Perumahan Negara Kampung Panchor, Mengkubau



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 Jun. – Sempena Sambutan Hari Asyura 1448 Hijrah, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 5, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor, Mengkubau dengan kerjasama OneCity Shopping Centre menganjurkan Program Pengagihan Bubur Syura

kepada orang ramai yang berlangsung di ruang dalam pintu masuk OneCity Shopping Centre, Sungai Hanching, baru-baru ini.

Program yang dijalankan berkenaan menyaksikan pengagihan sebanyak 300 bekas Bubur Syura secara percuma kepada para pengunjung pusat

membeli-belah berkenaan sebagai tanda kesyukuran serta menghidupkan amalan berkongsi rezeki bersempena bulan Muharam.

Ahli Jawatankuasa MPK Kawasan 5, RPN Kampung Panchor, Mengkubau, Dayang Norainah binti Malik, menjelaskan sambutan yang diterima daripada orang ramai amat menggalakkan apabila kesemua Bubur Syura habis diagihkan dalam tempoh yang singkat.

Jelasnya lagi, program berkenaan bukan sahaja memberi peluang kepada masyarakat menikmati hidangan tradisi sempena Hari Asyura, malah turut mengeratkan silaturahmi antara Ahli MPK, pihak pengurusan OneCity Shopping Centre dan masyarakat setempat.

Manakala Pemangku Ketua Kawasan 5, RPN Panchor, Mengkubau, Awang Haji Hairul Azri bin Haji Salamat, pula merakamkan penghargaan kepada pihak OneCity Shopping Centre atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan program berkenaan, di samping mengucapkan terima kasih kepada semua AJK, sukarelawan dan para penyumbang yang telah bertungkus-lumus



PROGRAM yang dijalankan berkenaan menyaksikan pengagihan sebanyak 300 bekas Bubur Syura secara percuma kepada para pengunjung pusat membeli-belah berkenaan sebagai tanda kesyukuran serta menghidupkan amalan berkongsi rezeki bersempena bulan Muharam (atas dan kiri).

menyediakan Bubur Syura serta memastikan kelancaran majlis.

Beliau berharap program seumpama berkenaan akan dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai platform untuk memupuk semangat kejiwaan, kebersamaan dan budaya bergotong-royong di samping menyemarakkan penghayatan terhadap nilai-nilai

murni yang terkandung dalam sambutan Hari Asyura.

Program berkenaan merupakan salah satu inisiatif kemasyarakatan MPK Kawasan 5, RPN Kampung Panchor, Mengkubau dalam mendekatkan masyarakat melalui aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan dengan kerjasama pelbagai pihak.

سرکه سوری

سیندیکیت داده موسوه سجاکت

جماعه یغ درجی الله،

بر تقوی له کیت کحضرة الله ﷺ دغن منیغکتکن کلیمان کثدن. سوسوگوهن اورغ یغ فالیغ ملیا دسیسی الله ﷺ ایت ایاله اورغ یغ فالیغ بر تقوی. موده-مودهن کیت منجادی انسان یغ سنتیاس مغایغی الله ﷺ، براوله کجیان دان کسلامن دنیا دان جوک داخیره.

الله ﷺ بر فرمان دالم سورة المائدة آية ۹۰-۹۱:

واهایی اورغ-اورغ یغ بر ایمان! سوسوگوهن ارق، جودی، فوجان برهلا دان مغوندي نصیب دغن ائق فانه ایت اداله (فربواتن) کجی درقد فربواتن شیطان. مک هندقله کامو منجوهین سوفای کامو بر اولیه کمغن (دان کبرواتوغن). سوسوگوهن شیطان ایت ماهو منیمبولکن فرموسوهن دان کبنجن انتارا کامو دغن سبب (مینوم) ارق دان (برمان) جودی دان مغالغی کامو درقد مغایغی الله دان مغراجن سمبیه، مک تیدقکه کامو ماهو برهنی (درقد ملاکوکن فربواتن کجی ایت)؟

جماعه یغ درجی الله،

الله ﷺ تیدق معجرامکن سسواتو فرکارا ملاینکن جک ای مباوا کروسقن دان کسن بوروق کثد مانسی. سکیران فرکارا ایت بایک، سوده تننو الله ﷺ تیدق ملارغن درقد مندکین. ائس داسر اینله، اسلام ملارغ کرس اومتن درقد مندکي فرکارا-فرکارا یغ بولیہ مضرتکن دیری دان مشارکت سقرتی مینوم ارق، بر جودی، رسواه سرتا فیهلکونان داده دان باهن لاین یغ مغحیلکن. ستیاف فرکارا یغ مابوقکن اتاو مغهیغکن کوارسن عقل اداله حرام، سباکایمان حدیث درقد این عمر ﷺ، بهاو رسول الله ﷺ برسیدا: کُلْ مُسْکِرَ خَمْرٍ، وَکُلْ مُسْکِرَ خَمْرٍ. مقصودن: ستیاف یغ مابوقکن ایت ایاله ارق دان ستیاف یغ مابوقکن ایت اداله حرام. {حدیث روایت امام مسلم}

دالم شریعة اسلام، لارغن بوکن سهاج کران ای مابوقکن اتاو مغهیغکن کوارسن عقل، تنائی جوک کران ای مروتوهکن مقاصد شرعية یایت مملیهارا اواکام، پاوا، عقل، کتورونن دان هرتا. اقبیل عقل روسق، مک روسقله فرتیمغن، لایله تفکوشجواب دان تربوکه قیننو کثد فلپاکای کروسقکن دان جنایه. اولیه یغ دمکن، ستیاف ایندیویدو هندقله سنتیاس مملیهارا دیری دان منجوهی دری ترلیست اکتیویتی فیهلکونان دان فغایدن داده حرام کران فربواتن ترسبوت بوکن سهاج دلارغ اولیه شرع دان اوندغ-اوندغ نکارا، ماله بولیہ منداتعکن فلپاکای کسن بوروق کثد دیری سندیری دان جوک اورغ تردکت اکن توروت تردده مسئله لاین.

انتارا کسن نیگاتیف دان کمضرتن عقیبة فیهلکونان سرتا فغایدن داده

حرام ایاله باهن ترسبوت اکن منجادیکن سساورغ ایت خیال، مروسقکن اورکن توپوهن، ملمهکن عقلن، دان مپیکن کتاکیهن سوکر دهنتیکن. لبیه بوروق لایک، فئاکیه داده اکن ملاکوکن ککرسن، مروسقکن هرتا بندا، دان مپیکن کجدران سیهلک مغهنجورکن اینستیتوسی رومه نغکا، مقورق-فرنداکن کهرمونین کلوارک سرتا منجسکن کسجهزان هیدوف بر مشارکت. سلاین ایت، کجلا این جوک ممفو مپیکن فلپاکای مسئله سوسیال سقرتی منیغکتکن قدر جنایه دان مغانم کسلامن سرتا کستایلن نکارا. اولیه ایت، سکیران فیهلکونان دان فغایدن داده حرام تیدق دیندوغ دان دتاغی دغن سکرا سرتا برکسن، فرکارا ترسبوت دخواطیری اکن مباوا کثد کروتوهن اخلاق، کهنجورن اومت دان منجسکن کمعمورن نکارا فد ماس هادفن.

جماعه یغ درجی الله،

نکارا برونی دارالسلام جوک تیدق ترلقس درقد ائجمن فیهلکونان دان فغایدن داده حرام یغ ددالغی اولیه سیندیکیت داده. فلپاکای اوسها فنجکهن دان فغواتکواسان تله دلقسناکن اولیه فیهق برکواس، ستاتیتیک یغ دکلوارکن اولیه بیرو کاولن نرکوتیک منوجوقکن بهاو کیس-کیس برکاین داده ماسیه برلاکو دان مملوکن فرهااتین سیریوس درقد تموا فیهق.

ستاتیتیک تفکشن باکی تاهون ۲۰۲۵ منجانتکن سرمای ۷۰۹ اورغ تله دتفکث ائس کسلاهن برکاین داده. ائگا این جلس منوجوقکن بهاو ائجمن داده ماسیه براد قث تاهف یغ سیریوس دان فرلو دتاغی سجارا برسقادر ملالوئی کر جاسام، کسدرن سرتا کفریهاتین سلوروه لاقینس مشارکت دمی ملیندوغی جنراسی، کلوارک دان نکارا درقد بهاو داده. ستاتیتیک این هندقله منجادی فرایغن، بوکن سهاج اوتوق ددغر دان دباچ، تنائی اوتوق دامبیل اعتبار. دسبایق ستیاف کیس داده، اد کلوارک یغ ترین، اد مشارکت یغ تراجم دان اد ماس دغن ائق بغسا یغ بولیہ ترقریان.

بیرو کاولن نرکوتیک منکسکن بهاو حکومن برت دباوه سیکشن 3A، اکتا فیهلکونان داده فثکل دوا قولوه توجوه ائس کسلاهن مملیکی داده ترکاول باکی توجوان فغایدن دان جک ساییت کسلاهن بولیہ مباوا حکومن مینیم لیم تاهون فنجارا دان لیم سبنن دان حکومن مکسیما دوا قولوه تاهون فنجارا دان لیم بلس سبنن دان جک ساییت کسلاهن دغن جومله داده یغ دمیلیکی، بولیہ مباوا حکومن کنتوغ سقایی ماتی.

جماعه یغ درجی الله،

مشارکت هندقله سنتیاس برکاندیغ باهو دان یکر جاسام دغن فیهق بیرو کاولن نرکوتیک دالم اوسها منجکه سرتا مینوس ککیاتن سیندیکیت فغایدن داده حرام

دنکارا این. حال این کران ککیاتن سیندیکیت داده دجالنکن سجارا تراغع دان ترسوسون، ماله سریق ملیتکن اهل کلوارک سرتا کتنن رافت کثد دالغ اوتام یغ برسوباهت اتاو دجادیکن اورغ سوروهن. لبیه مپیگن، کولوغن باوه عمور جوک توروت دفرالکن اوتوق منجالنکن اکتیویتی فغایدن داده حرام. کتیک این دکوناکن باکی مغلروکن فیهق برکواس دان ملیندوغی ککیاتن سیندیکیت درقد دکسن.

اولیه ایت، کیت هندقله سنتیاس مغیبیل برت ترهادف فرکاولن، تیغکه لاکو دان اکتیویتی ائق-ائق سرتا اهل کلوارک اکر مریک تیدق موده ترغاروه اتاو ترجموس دغن حیلہ لیجیق سیندیکیت یغ سریق مغکوناکن جنجی مانس سقرتی تاورن فکرجان دغن کاجی لوماین اتاو فلواغ ملنجوغ سجارا فرجوما کلوار نکارا باکی ممرغکف مغسا. جوسزو، سیکف فریهاتین، بودایا سالیغ منصیحی دان فترن نیلای-نیلای موری دالم اینستیتوسی کلوارک ائت فتنیغ دالم ملاهیرکن مشارکت یغ سلامت، سجهزا دان بیس درقد ائجمن داده.

جماعه یغ درجی الله،

ماریلہ کیت سام-سام ممقرتیغکتکن کسدرن دان کفهن مغیای بهاو فیهلکونان سرتا فغایدن داده حرام یغ ددالغی اولیه سیندیکیت داده، موسوه سجاکت یغ مغانم کسلامن دان کسجهزان مشارکت دان جوک نکارا. کیت جوک هندقله تروس برأوسها دغن فتوه التزام اوتوق میندوغ دان منجکه کجلا این درقد مروسقکن جنراسی، موسنهنک اینستیتوسی کلوارک سرتا مغکوکت کامانن نکارا. کثد فارا ایو باف دان فنجاک، سنتیاس فیکا ترهادف فراوبهن ائق-ائق، فرکاولن مریک، فثکونان

تیلیفون بیسیست، فثکونان واغ دان تیغکه لاکو یغ منجوریکان. جاغن کران مالو، کیت ممیارکن کروسقکن منجادی لبیه فاره. دافکنله نصیحت-نصیحت، بیسیغن دان بتوان درقد فیهق یغ برکائن دان برکواس.

آخرین، کیت بردعاء موده-مودهن الله ﷺ سنتیاس منجورهن هدایه، ملیمفهن رحمة دان مغورنیاکن مغفرة کثد کیت مموا. دغن انوکره ایت بغسا دان نکارا کیت اکن سنتیاس دالم لیندوغن برکادان امان سجهزا. ان شاء الله، آمین یا رب العالمین.

دان هندقله اد انتارا کامو سکولونن اومت یغ میرو کثد کباجیکن (کیایکن) دان میورو (بروات) یغ معروف سرتا ملارغ درقد یغ موغر. دان مریک اینتوله اورغ یغ منداقت کمغن. {سورة آل عمران آية: ۱۰۴}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلِكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فُوزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِالْجَنَّةِ النَّائِيَةِ.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتِمُنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأُمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمَّا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعُقَدَ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبَ، وَتَقَضٰى بِهٖ الْحَوَائِجَ، وَتُنَالُ بِهٖ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ، فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahaminya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.


**RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 56 / 26 - 27
Contract For Cleaning And Grass
Cutting Services At RTB Belait
Branch For A Period Of
Twenty-Four (24) Months

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 57 / 26 - 27
Contract For Cleaning And Grass
Cutting Services At RTB Andulau
Transmitter Station For A Period
Of Twenty-Four (24) Months

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 58 / 26 - 27
Replacement And Installation Of
Compound Lighting At RTB
Sungai Akar Broadcasting
Complex

Bayaran Yuran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas (Hardcopy):
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
8 Julai 2026
Jam 2.00 petang


**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**1.1 JPH / 003 / SH / 2578 /
2026 - 2027**

Membekalkan Kayu
Bagi Taman-Taman Rekreasi
Hutan Dan Taman Negara
Ulu Temburong,
Jabatan Perhutanan

**Borang Pendaftaran Syarikat
(Jika belum berdaftar):**
BND10.00

Borang Sebut Harga:
BND5.00
[Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir
Membeli Dokumen:**
6 Julai 2026
(Isnin)

Tarikh Tutup Tawaran:
9 Julai 2026
(Khamis)


**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

JPt / TAW / 02 / 2026 - 2027:
Pemeliharaan Saliran Ladang

Bagi Kawasan Kemajuan
Pertanian Di Daerah
Brunei Muara Zone 'C'
Bagi Tempoh
Dua (2) Tahun.

Yuran Tawaran:
BND50.00

Borang Tawaran:
BND15.00

Tarikh Tutup:
Selasa,
4 Ogos 2026
Tidak lewat dari
jam 2.00 petang


**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JBBSB / SH / 2026 – 2027 /
12 / SPPP / 01

Tajuk:
To Supply And Delivery The
Needs Of Traders And Visitors At
Bangunan Pasar Gadong, Jabatan
Bandaran Bandar Seri Begawan

Tarikh Tawaran:
Dari 22 Jun 2026
hingga 8 Julai 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
9 Julai 2026
Jam 2.00 petang


**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0018 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
To Provide Technical Services On
ISO 17025-2017 Preliminary
Assessment Program For
Polymerase Chain Reaction
(PCR) Laboratory Of Aquatic
Animal Health And Laboratory
Services Centre (AAHLSC),
Department Of Fisheries

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0019 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
To Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning Of
Ductless Fume Hood Parasite
Laboratory Of Aquatic Animal
Health And Laboratory Services
Centre, Department Of Fisheries

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0020 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
To Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning Of
Automated Nucleic Acid Extraction
System For Aquatic Environmental
Laboratory Of Aquatic Animal
Health And Laboratory Services
Centre

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0021 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Supply And Delivery Of Laboratory
Apparatus, Chemical And
Reagents For Water Quality
Laboratory

Tarikh Tutup :
Khamis, 16 Julai 2026


**JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Sebut Harga:
JKBD / 2026 / SH - 09
The Provision Of Security Guard
Services At The Doppler Weather
Surveillance Radar Building
Of Brunei Darussalam
Meteorological Department

Hari / Tarikh / Waktu Tutup:
Rabu,
22 Julai 2026
Sebelum jam 9.00 pagi


**JABATAN BANDARAN TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JBT / S / 08 / 2026 - 2027
Kekosongan Ruang-Ruang Gerai
Makan Di Bangunan Milik
Jabatan Bandaran Tutong

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
14 Julai 2026
Jam 2.00 Petang


**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
16 / BBS / SH / 2026 – 2027

Keterangan Projek:
Cleaning Of Lower RC Perimeter
Fascia And Alucobond Fascia
Roof Top Level Dewan
Persidangan Kuala Belait,
Jalan Mckerron,
Kuala Belait

Dibukakan kepada
pemborong-pemborong yang
berdaftar
dengan Kementerian
Pembangunan Negara Brunei
Darussalam

Yuran Tawaran:
BND5.00

(Non Refundable)

Tarikh Tutup:
Selasa,
7 Julai 2026





**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Sebut Harga:
(54) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Tajuk Sebut Harga:
Janitorial And Cleaning Services
For Information Department,
Prime Minister's Office
For One (1) Year.

Yuran:
BND5.00
(Tunai Dan Tidak Dikembalikan).

Tarikh Tutup:
Khamis,
9 Julai 2026
Sebelum Jam 8.00 Pagi



Bilangan Sebut Harga:
(53) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Tajuk Sebut Harga:
Kontrak Perkhidmatan Towing
Bagi Kenderaan BG Jabatan
Penerangan Selama
Satu (1) Tahun.

Bilangan Sebut Harga:
(55) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Tajuk Sebut Harga:
Ad Hoc Maintenance
Of Four (4) Fire Alarm System At
Jabatan Penerangan

Yuran :
Percuma

Tarikh Tutup :
Khamis,
2 Julai 2026
Sebelum Jam 8.00 Pagi



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga:
17 / JUN / 2026 / KKBS /
PJK / 16.91

Tajuk Sebut Harga:
Twenty-Four (24) Months Term
Contract For General Pest Control
Services To Premises And
Compound Of Ministry Of Culture,
Youth And Sports,
Simpang 336-17,
Jalan Kebangsaan And
MCYS Store,
Jalan Bengkurong Masin,
Kampung Sinarubai,
Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Tidak lewat
9 Julai 2026
jam 2.00 petang.



**KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bil. Sebut Harga:
020 / KHEU / BTM / 2 / RFQ /
2026
Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning Of
Queue Management System
(QMS) Hardware For Jabatan Hal
Ehwal Syariah (JHES) And
Jabatan Urusan Zakat, Waqaf
dan Baitulmal (JUZWAB)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa,
14 Julai 2026
2.00 Petang



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

Bilangan Sebut Harga:
MFA / SEC / 009 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Production Of Emergency Exit
Safety & Evacuation Video At
Annex Building,
Ministry Of Foreign Affairs,
Subok

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
8 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dalam
Akta Agensi Keselamatan
(Penggai 187)**


**Peraturan-Peraturan Agensi
Keselamatan**

Tarikh Buka Sebut Harga:
Isnin, 15 Jun 2026

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran pada:**
Isnin, 29 Jun 2026

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa, 30 Jun 2026
Jam, 2.00 Petang

Bil. Tawaran:
KHEDN / LTK / 2026-09



**UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM**

**Bilangan dan
Tajuk Tawaran:**
UBD / RFP / 002 / 2026
Request For Proposal -
To Manage, Maintain And
Operate Universiti Brunei
Darussalam Sports Complex

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
7 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Bilangan Sebut harga:
JPH / 2106 / SH / 2574 /
2026 – 2027

Tajuk:
Construction Works
For New Parking Garage At
Brunei Forestry Center,
Forestry Department,
Sungai Liang,
Belait District

**Tarikh Akhir
Membeli Dokumen:**
16 Julai 2026
Jam 4.00 Petang

Tarikh Tutup:
23 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JDB / 4.1 / KAD JEMPUTAN /
E / 2026

Tajuk Tawaran:
Sebut harga Mencetak dan
Membekal Kad-Kad Jemputan
VVIP Lembaran Kenangan Kad
Menu Santap dan Kad Label
Meja, Sempena Sambutan
Perayaan Ulang Tahun
Keputeraan Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam Ke-80
Tahun Peringkat Daerah Belait.

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
30 Jun 2026
(Selasa)




KEMENTERIAN PERTAHANAN

Jualan Secara Sebut harga Bagi
1 Lot Harta Benda Kerajaan

**Tawaran Pembelian &
Pengangkutan
Barang Yang Dihapuskan
Dari Kira-Kira
Kementerian Pertahanan**

Rujukan:
MINDEF / DFA / MWOC / L / 1
(02/2026)

**Tarikh Tutup
Pembelian Borang:**
Rabu,
24 Jun 2026
Tidak lewat
Jam 11.30 Pagi.

**Tarikh Tutup
Menghantar Borang:**
Rabu,
1 Julai 2026
Tidak lewat
jam 10.00 Pagi.


**JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL
EHWA DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
08 / JPB / SH / 2026

Keterangan:
Membekalkan Jamuan
Makan Minum Bagi
Jabatan Penjara
Untuk Tempoh
Satu Tahun

Yuran Tawaran:
BND5.00

**Tarikh Tutup
Dan Waktu:**
Selasa,
14 Julai 2026
(Tidak lewat dari
jam 2.00 petang)


KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Sebut Harga Bagi Perkhidmatan
Kantin**

**1. DA / JKSH / 49 / 2026 / 2027
[BPPA-JUN-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Keriam
Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
Harga Sewa Kantin:
BND155.00 Sebulan

**2. DA / JKSH / 50 / 2026 / 2027
[BPPA-JUN-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bag :
Sekolah Rendah Amo
Daerah Temburong
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
Harga Sewa Kantin:
BND80.00 Sebulan

**3. DA / JKSH / 51 / 2026 / 2027
[BPPA-JUN-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bag :
Sekolah Rendah Raja Isteri
Fatimah
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
Harga Sewa Kantin:
BND116.00 Sebulan

**4. DA / JKSH / 52 / 2026 / 2027
[BPPA-JUN-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Lambak Kanan,
Jalan 49
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.

Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
Harga Sewa Kantin:
BND437.00 Sebulan

**5. DA / JKSH / 53 / 2026 / 2027
[BPPA-JUN-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi:
Sekolah Menengah
Sayyidina Husain
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'B']
Harga Sewa Kantin:
BND762.00 Sebulan

**6. DA / JKSH / 54 / 2026 / 2027
[BPPA-JUN-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi:
Sekolah Menengah Masin
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'A']
Harga Sewa Kantin:
BND584.00 Sebulan

**7. DA / JKSH / 55 / 2026 / 2027
[BPPA-JUN-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Lumut
Daerah Belait
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
Harga Sewa Kantin:
BND150.00 Sebulan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu,
4 Julai 2026
(Jam 9.00 Pagi)


**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN
BELIA DAN SUKAN**

Iklan Tarikh Lanjutan

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
02 / JMM / S / 12 / 91
(2026 / 2027) – R

Tajuk Tawaran:
Penyewaan Dan Operasi Kafe
Muzium Brunei, Bagi Tempoh 5
Tahun, Aras Bawah Muzium
Brunei, Kampung Kota Batu

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
15 September 2026
Jam 2.00 Petang


**JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Tajuk Tawaran:
Membekalkan dan Memasang
PVC Banner Bagi Kawasan
Luar Untuk Majlis Pengundian dan
Pemilihan Penghulu Mukim dan
Ketua Kampung Di
Daerah Brunei dan Muara

Bilangan Projek:
JDB / MK / Q / 2026 PT.1

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
30 Jun 2026
Tidak lewat
jam 2.00 petang

Tarikh Tutup Tawaran:
30 Jun 2026
Tidak lewat
jam 2.30 petang


**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JDB / 4.1 / PERHIASAN BUNGA /
D / 2026

Tajuk Tawaran:
Sebut Harga Membekal
Perhiasan Bunga Bagi
Sempena Sambutan Perayaan
Ulang Tahun Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam Yang Ke-80 Bagi
Daerah Belait Tahun 2026

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Tarikh Tutup:
30 Jun 2026 (Selasa)


**PUSAT KEBANGSAAN
E-KERAJAAN
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

**Pusat Kebangsaan
E-Kerajaan,
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi**

Bilangan Tawaran:
EGNC / PM / 4.1 / 1.2026
Network Central Procurement 3.0,
Pusat Kebangsaan
E-Kerajaan (EGNC),
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
(MTIC)

Tarikh Tutup:
Selasa,
11 Ogos 2026


**KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

1. Bilangan Sebut Harga:
KEPI / BKSM / JKSH /
ASET / 04 / 2026-2027.

Tajuk Sebut Harga:
"Pest Control Services
For 24 Months At
Ministry Of Primary Resources
And Tourism Buildings."

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**
9 Julai 2026,
Khamis
Jam 2.00 Petang

**Yuran Setiap Satu
Sebut Harga:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah
Secara Dalam Talian





KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Sebut Harga:
(60) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

Keterangan:
To Supply And Deliver Spare Parts For Portable Suction Machine, Brand: MG Electric For Department Of Dental Services. Ministry Of Health

Bilangan Sebut Harga:
(61) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

Keterangan:
To Supply And Deliver Of Consumables Items For Operating Theatre, Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years Usage – 16 Items (Non-Clustering)

Bilangan Sebut Harga:
(62) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

Keterangan:
To Supply And Deliver Of Lockers And Cabinets For Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health (Non-Clustering)

Bilangan Sebut Harga:
(63) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

Keterangan:
To Supply And Deliver Lower Segment Cesarean Section (LSCS SET) For Maternity Operating Theatre (MOT), Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health (Clustering)

Bilangan Sebut Harga:
(64) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

Keterangan:
To Supply And Deliver Dilation And Curettage (D&C) Set Instrument For Maternity Operating Theatre (MOT), Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health (Clustering)

Bilangan Sebut Harga:
(65) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

Keterangan:
To Supply And Deliver Perineal Tear Repair Set For Maternity Operating Theatre (MOT), Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health (Clustering)

Bilangan Sebut Harga:
(05) PPN / QTN / 2026 (SDS)

Keterangan:
The Provision Of Packed Food For National Oral Health Survey

2027-2028, Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of 6 Months

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1626) / 2026 / HTD (B8)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Giraffe Omnibed And Giraffe Incubator Spare Parts For Brand: GE Healthcare For Biomedical Engineering Section, RIPAS Hospital

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1686) / 2026 / HTD (B8)

Keterangan:
One Off Preventive Maintenance Services For Two (2) Units Of Anesthesia Machine Complete With Patient Monitor, Brand: Mindray At Operating Theatre RIPAS Hospital

Bilangan Sebut Harga:
DSS / HS / PROC / B50K / 2026 – 2027 / 012 (ENV)

Keterangan:
To Supply And Deliver Calibrated Grade A Volumetric Flasks And Separating Funnel For Environment Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Bilangan Sebut Harga:
DSS / AQ / PROC / B50K / 2026 – 2027 / 018 (QC)

Keterangan:
To Supply And Deliver Certified Reference Material For Volatile Organic Compound (VOC) Analysis For Toxicology Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Bilangan Sebut Harga:
JPKAS / IKLAN / 26 – 27 / 01

Keterangan:
To Supply And Deliver Malaria Rapid Diagnostic Test (RDT) Kits For Health Screening Centre, Department Of Environmental Health Services

Bilangan Sebut Harga:
JPKAS / IKLAN / 26 – 27 / 02

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Eleven (11) Units Of Digital Blood Pressure Set For Occupational Health Division, Department Of Environmental Health Services, Ministry Of Health

Bilangan Sebut Harga:
DSS / AQ / PROC / B50K / 2026 – 2027 / 021 (ADM)

Keterangan:
To Supply, Deliver And Install Meeting Tables And Chairs For Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Bilangan Sebut Harga:
13 / QTN / JPK / 2026

Keterangan:
Supply And Delivery Of Ten (10) Patient Examination Couch With Foot Step And Disposable Sheet Holder For Jubli Perak Sengkang Health Centre, New Block Extension Under Department Of Health Services

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1687) / 2026 / HTD (B9)

Keterangan:
To Supply, Deliver And Install Spare Parts For Three (3) Units Of Belmont Dental Chair, Model: Clesta II, BME20068 (S/N: FB14L0140) At Block B, Room 9 National Dental Centre, BME1627 (S/N: FB14F0155) At Block A Room 4, National Dental Centre And BME1663 (S/N: FB14F0167) At Room A1 Block A, National Dental Centre For Department Of Dental

Bilangan Sebut Harga:
DSS / FS / PROC / B50K / 2026 – 2027 / 012 (FOR)

Keterangan:
To Supply And Deliver Pipette Tips For Forensic Biology Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Bilangan Sebut Harga:
(66) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

Keterangan:
To Supply And Deliver Medical Equipment And Accessories Set For Maternity Operating Theatre (MOT), Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health (Clustering)

Bilangan Sebut Harga:
(67) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

Keterangan:
To Supply And Deliver Retraction Set For Maternity Operating Theatre (MOT), Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health

Bilangan Sebut Harga:
(68) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

Keterangan:
To Supply And Deliver Vaginal Hysterectomy Set For Maternity Operating Theatre (MOT), Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health

Bilangan Sebut Harga:
(69) PSD / QTN / 2026 – (PHARM)

Couch For Cardiology Department, RIPAS Hospital

Bilangan Sebut Harga:
(70) PSD / QTN / 2026 / ESTET – (RIPASH)

Keterangan:
Repair And Reinstatement Of Spalling Concrete At Outpatient Pharmacy Basement Parking Area, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

Bilangan Sebut Harga:
DSS / AQ / PROC / B50K / 2026 – 2027 / 025 (DSS-HSE)

Keterangan:
To Supply And Deliver Laboratory Coats For Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Bilangan Sebut Harga:
(06) PPN / QTN / 2026 (BME)

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Four (4) Units Of Endo Activator For Department Of Dental Services

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
11 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :


E-MEL : **iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI : **+673 2383400 sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



IMBASAN MINGGUAN

PROGRAM Masyarakat Bermaklumat bagi Mukim Amo yang berlangsung di Dewan Auditorium Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan satu inisiatif jabatan dalam memberi peluang kepada masyarakat menimba pengetahuan. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.




ANTARA peserta yang memperdengarkan bacaan semasa Majlis Doa Kesyukuran Skim Tilawah Al-Quran Kanak-kanak (STAKA) anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Pengajian Islam dan Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS yang bermula pada awal tahun ini. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

KEMPEN Kebersihan 2026 bertempat di tapak penurunan dan penaikan perahu, Kampung Lumut serta Taman Rekreasi Pantai Lumut, Daerah Belait di dalam menangani isu kebersihan di Negara Brunei Darussalam. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



SEBAHAGIAN yang hadir semasa Program Literasi Penerangan bagi Belia Daerah Tutong sebagai salah satu landasan dalam menyampaikan maklumat rasmi kepada para belia. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.



AKSI para pasukan dalam usaha untuk merebut gelaran johan Yakin Netball Challenge 2026 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.



PESERTA yang menyertai Acara Berjalan Kaki, Berbasikal dan Berlari 'Kampungku Cergas' anjuran Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Lumut Kawasan 1, 2 dan 3 bersempena dengan Hari Keluarga Kebangsaan. - Foto : Azmah Haji Ahad.

PENGALAMAN MEMBELI-BELAH MELALUI PENGGUNAAN TEKNOLOGI INOVATIF



BAZINGA Emporium baru-baru ini merayakan pembukaan rasmi Bazinga Mart (kiri sekali dan kiri).

Siaran Akhbar dan Foto : Bazinga Emporium

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 Jun. - Bazinga Emporium baru-baru ini merayakan pembukaan rasmi Bazinga Mart iaitu sebuah kedai serbaneka tanpa pekerja dan tanpa tunai terletak di Peak Club.

Kedai ini memperkenalkan pengalaman membeli-belah baharu di mana pelanggan boleh membuka pintu menggunakan sistem akses yang disediakan, memilih barangan di rak, membolehkan pembelian dikenal pasti secara automatik, membuat pembayaran menggunakan kaedah pembayaran tanpa tunai pilihan mereka dan terus keluar dari kedai tanpa memerlukan bantuan kakitangan di kedai berkenaan.

Bazinga Mart telah dirasmikan secara rasmi oleh Pengasas Bazinga Emporium, Monica Lim, berhasrat untuk menjadikan urusan membeli-belah harian lebih mudah melalui penggunaan teknologi inovatif.

Selepas majlis perasmian, para tetamu diberi demonstrasi berpandu mengenai sistem peruncitan tanpa pekerja Bazinga Mart sebelum mencubanya sendiri. Mereka melalui setiap langkah proses membeli-belah, bermula daripada memasuki kedai menggunakan teknologi pengecaman wajah, sehinggalah menyelesaikan pembelian melalui kiosk pengimbasan pelbagai

barangan dan sistem pembayaran tanpa tunai.

Demonstrasi ini menunjukkan bagaimana pelanggan boleh membeli-belah secara sendiri tanpa kehadiran kakitangan di lokasi.

Beroperasi 24 jam sehari, tujuh hari seminggu, Bazinga Mart disokong oleh sistem pemantauan jarak jauh dan sistem keselamatan automatik bagi memastikan pengalaman membeli-belah yang selamat dan terjamin.

Sama ada untuk mendapatkan minuman pada awal pagi, snek selepas bersenam pada waktu malam, atau menikmati makanan ringan selepas kebanyakan kedai ditutup, Bazinga Mart sentiasa tersedia apabila diperlukan.

Sebagai sebahagian daripada acara tersebut, Monica Lim turut memperkenalkan Bazinga Band, ekosistem pembayaran tanpa tunai milik Bazinga Emporium yang direka untuk menyediakan pilihan pembayaran yang selamat dan mudah khususnya kepada kanak-kanak.

Gelang tangan ini membolehkan pengguna membuat pembelian tanpa perlu membawa wang tunai atau kad bank, di samping membolehkan ibu bapa menambah nilai kredit dari jauh dengan mudah.

Setiap tetamu menerima sebuah Bazinga Band secara percuma yang telah dimuatkan dengan kredit bernilai BND5, membolehkan mereka

mendaftarkan gelang tersebut dan merasai sendiri pengalaman menggunakan ekosistem berkenaan.

Gelang yang sama juga boleh digunakan di rangkaian mesin layan diri Bazinga Emporium yang semakin berkembang, sekali gus menawarkan pengalaman pembayaran tanpa tunai yang lancar.

Ketika berucap pada majlis tersebut, Monica Lim amat berbangga dapat merasmikan pembukaan Bazinga Mart dan berharap ia dapat memberikan orang ramai cara membeli-belah yang lebih pantas, mudah dan selesa.

"Kami percaya ini hanyalah permulaan kepada lebih banyak inovasi menarik daripada Bazinga Emporium," tambahnya.

Sejak pelancaran awal (*soft launch*) pada awal bulan ini, Bazinga Mart telah berjaya merekodkan ratusan transaksi pelanggan dan menerima maklum balas yang amat menggalakkan. Ramai pelanggan memuji kepantasan, kemudahan dan keselesaan pengalaman membeli-belah yang ditawarkan.

MYCE 2026 EVENT SCHEDULE

BRUNEI
ABODE OF PEACE

BRUNEI
100-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION
MYCE 2026

فرسیدغن دان قامین قرتهن
تاهون بروني 2026

Environment
Brunei Darussalam Expedition on Sustaining Our Oceans: Innovation, Governance and Resilience for a Blue Future (Expedition)
4th – 6th May 2026 · Sekitar Perairan Pulau Pelong-Pelongan, Brunei Darussalam

Current Affairs
Governance in Crisis: Risk, Reputation and Board Accountability
20th May 2026 · Radisson Hotel, Brunei Darussalam

Environment
Ocean Week Brunei Launch
2nd June 2026 · Pro Chancellor Arts Centre, Universiti Brunei Darussalam (UBD)

Environment
Brunei Darussalam Conference on Sustaining Our Oceans: Innovation, Governance and Resilience for a Blue Future (Conference)
2nd – 4th June 2026 · Pro Chancellor Arts Centre, UBD

Technology & Innovation
Robotic Coding Conquest
2nd – 7th June 2026 · Universiti Teknologi Brunei (UTB)

Islamic
Persidangan Media Islam Serantau Dalam Era Digital (Regional Islamic Media Conference In Digital Era)
2nd – 4th June 2026 · Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB)

Technology & Innovation
6th AUN-Technology Enhanced Personalised Learning (AUN-TEPL) Symposium
3rd – 4th June 2026 · Universiti Brunei Darussalam (UBD)

Technology & Innovation
Turning Data into Decision: Incorporating Technology into Governance
6th June 2026 · TBC

Environment
Brunei Sustainable Food & Nutrition Week (World Food Safety Day)
7th June 2026 · Proposed Hybrid Venue (Including Farms & Restaurant)

Environment
Ocean Week Brunei Film Screening & Dialogue: Fisheries, IUU Fishing & the Future
8th June 2026 · One Cineplex, One City

Current Affairs
International Symposium on Educational Development
9th – 10th June 2026 · UBD Chancellor Hall & The Empire Brunei

Islamic
Islamic Architecture Symposium
10th – 14th June 2026 · Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB)

Environment
Mangrove Project Launch
11th June 2026 · Mentiri area or Serasa Fish Farm area

Environment
Sea Turtle Night Walk
11th June 2026 · Muara Beach

Current Affairs
Threads of India: A Showcase of Indian Textiles and Fashion
12th June 2026 · Multipurpose Hall, High Commission of India

Environment
Brunei Ocean Exhibition
12th – 14th June 2026 · One City Mall

Environment
Beach Clean Up & Launch of Turtle Hatchery
14th June 2026 · Tanjung Batu Beach

Technology & Innovation
Dynamik Series of Business Events 2026 – Knowledge. Partnerships. Growth (Main Event)
15th June 2026 · Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB)

Environment
Brunei Sustainable Food & Nutrition Week (Sustainable Gastronomy Week)
15th – 28th June 2026 · Proposed Hybrid Venue (Including Farms & Restaurant)

Technology & Innovation
UBD-Snibe Symposium 2026
20th – 21st June 2026 · Pro-Chancellor Arts Centre, Universiti Brunei Darussalam (UBD)

Technology & Innovation
Dynamik Series of Business Events 2026 – Knowledge. Partnerships. Growth (Hackathon)
21st – 29th June 2026 · Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB)

Islamic
Brunei Islamic Economy Conference (BIE-CON) 2026
24th – 25th June 2026 · Mullia Hotel, Brunei Darussalam

Technology & Innovation
The 2nd AUN Dx (Digital Transformation) Thematic Network Annual Meeting
25th – 26th June 2026 · Universiti Brunei Darussalam (UBD)

Current Affairs
ASEAN-Korea Youth Network Workshop
28th – 30th June 2026 · Universiti Brunei Darussalam (UBD)

Technology & Innovation
Sustainable Ready Industry-5.0: AI, Research And Innovation (Sr5-Airi)
29th June – 1st July 2026 · Universiti Teknologi Brunei (UTB)

Islamic
Symposium Pendidikan Tahfiz Di Negara Brunei Darussalam Kali Kedua
30th June 2026 · Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB)

Islamic
Seminar On Halal Food Services In Tourism: Operational Best Practices
1st – 2nd July 2026 · Hotel (TBC)

Environment
UBD-AUN Summer Camp 2026
1st – 10th July 2026 · TBC

Environment
Fisherman Day Celebration / Hari Nelayan
2nd July 2026 · MPABD Port, Kuala Belait

Environment
Future Ocean Changemakers Youth Forum
6th – 7th July 2026 · Pro Chancellor Arts Centre, Universiti Brunei Darussalam (UBD)

Islamic
International Conference On Community Outreach & People Empowerment (Ic-Cope 2026)
6th – 7th July 2026 · Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB)

Technology & Innovation
Brunei Odyssey 2026
7th – 16th July 2026 · Universiti Teknologi Brunei (UTB)





Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Foto : Jabatan Penerangan, Ihsan Jabatan Kemajuan Pelancongan

PELAKSANAAN Tahun Melawat Brunei 2027 turut menandakan komitmen berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memperkukuh sektor pelancongan sebagai salah satu penyumbang penting kepada kepelbagaian ekonomi negara. Inisiatif berskala nasional ini bukan sahaja bertujuan meningkatkan jumlah kedatangan pelancong, malah memperkukuh daya saing Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam landskap pelancongan global yang semakin mencabar dan kompetitif.

Tahun Melawat Brunei 2027 bukan sekadar sebuah kempen untuk menarik lebih ramai pelancong ke negara ini, bahkan merupakan platform strategik bagi mengetengahkan pelbagai khazanah semula jadi, warisan budaya, nilai-nilai Melayu Islam Beraja (MIB) serta kemajuan pembangunan yang dicapai oleh negara. Melalui kempen ini, NBD berpeluang mempamerkan keistimewaan kepada dunia sekali gus meningkatkan kesedaran masyarakat antarabangsa mengenai potensi pelancongan yang terdapat di negara ini.

Perasmian Majlis Pra-Pelancaran Tahun Melawat Brunei 2027

Sebagai langkah awal menjayakan kempen tersebut, Majlis Pra-Pelancaran Tahun Melawat Brunei 2027 (Pre-Launch Ceremony Visit Brunei Year 2027) telah berlangsung di Jerudong Park Garden pada 20 Jun 2026. Majlis tersebut juga diserikan dengan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Amat Mulia

Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam.

Dalam sembah alu-aluan, Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin turut menekankan kepentingan Tahun Melawat Brunei 2027 sebagai satu inisiatif seluruh negara. Kempen ini memerlukan kerjasama erat antara agensi kerajaan, pemain industri, masyarakat setempat dan rakan strategik bagi memastikan matlamat yang dihasratkan dapat dicapai. Pendekatan bersepadu ini penting dalam mewujudkan pengalaman pelancongan yang berkualiti serta mempamerkan yang terbaik mengenai NBD kepada khalayak serantau dan antarabangsa.

Logo, maskot rasmi, lagu tema diperkenalkan

Majlis tersebut turut menyaksikan pelancaran logo rasmi serta maskot rasmi yang dikenali sebagai 'Awang' dan 'Dayang', yang bakal menjadi identiti utama kempen promosi pelancongan negara. Pelancaran tersebut menandakan bermulanya usaha promosi secara menyeluruh di peringkat domestik dan antarabangsa menjelang tahun 2027.

Selain memperkenalkan logo dan maskot rasmi, para tetamu turut diperdengarkan lagu tema serta dipertontonkan video destinasi Tahun Melawat Brunei 2027 yang mengetengahkan kekayaan budaya, keindahan alam semula jadi dan kepelbagaian produk pelancongan yang ditawarkan oleh negara ini. Persembahan dron yang memaparkan logo Tahun Melawat Brunei 2027 turut menyerlahkan kreativiti dan inovasi dalam usaha mempromosikan

negara ini sebagai destinasi pelancongan pilihan.

Maskot rasmi

Maskot rasmi merupakan simbol kemesraan, budaya dan semangat hospitaliti NBD. Direka bentuk untuk memupuk hubungan serta mencetuskan sifat ingin tahu, maskot tersebut melambangkan sifat mesra rakyat negara sambil membawa semangat, tenaga dan keterujaan kepada perjalanan kempen Tahun Melawat Brunei 2027.

Lebih daripada sekadar watak, maskot ini berperanan sebagai duta mesra NBD yang mampu mencipta pengalaman bermakna dan tidak dapat dilupakan oleh pengunjung daripada pelbagai peringkat umur. Kehadirannya juga memperkukuh identiti Tahun Melawat Brunei 2027 menerusi pelbagai acara, aktiviti promosi dan platform digital.

Kalendar Acara Tahun Melawat Brunei 2027

Bagi memastikan kempen ini berlangsung sepanjang tahun dengan pelbagai aktiviti menarik, Pameran Kalendar Acara Tahun Melawat Brunei 2027 turut diadakan dengan menampilkan Sambutan Jubli Intan sebagai antara acara kemuncak sepanjang tahun berkenaan. Pameran tersebut turut memberikan gambaran awal mengenai pelbagai acara pelancongan, kebudayaan, sukan, gaya hidup dan perniagaan yang dijadualkan berlangsung sepanjang tahun 2027.

Tahun Melawat Brunei 2027 turut membuka ruang untuk memperkenalkan adat resam, kesenian tradisional serta warisan budaya masyarakat tempatan. Pelbagai acara kebudayaan, pameran, persembahan seni dan festival boleh dianjurkan bagi mempromosikan identiti bangsa Brunei kepada masyarakat

antarabangsa. Langkah ini bukan sahaja membantu menarik kedatangan pelancong, malah berperanan dalam memelihara serta mewariskan budaya bangsa kepada generasi akan datang.

Bagi memastikan kejayaan Tahun Melawat Brunei 2027, kerjasama daripada pelbagai pihak amat diperlukan. Agensi kerajaan, sektor swasta, badan bukan kerajaan, komuniti setempat dan masyarakat umum perlu berganding bahu dalam menjayakan inisiatif tersebut. Penyediaan kemudahan yang berkualiti, peningkatan tahap perkhidmatan pelancongan serta usaha memperkukuh promosi melalui platform digital perlu diberikan perhatian bagi memastikan pengalaman pelancong berada pada tahap yang memuaskan.

Sebagai rakyat dan penduduk NBD, kita turut memikul tanggungjawab untuk bersama-sama menjayakan Tahun Melawat Brunei 2027. Setiap individu berperanan sebagai duta kecil negara dalam mempamerkan sikap mesra, berbudi bahasa dan sentiasa mengutamakan nilai-nilai murni yang menjadi identiti masyarakat Brunei.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai destinasi pelancongan, acara dan aktiviti sempena Tahun Melawat Brunei 2027 bolehlah melayari laman sesawang rasmi Brunei Tourism atau mengikuti akaun media sosial rasmi [@info.bruneitourism](https://www.instagram.com/info.bruneitourism) bagi mendapatkan perkembangan dan maklumat terkini mengenai kempen berkenaan.

Diharapkan Tahun Melawat Brunei 2027 akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sektor pelancongan negara serta membuka lembaran baharu dalam memperkenalkan keunikan, keindahan dan keistimewaan NBD kepada masyarakat antarabangsa. Dengan sokongan dan kerjasama semua pihak, kempen ini diyakini mampu mencapai matlamatnya sekali gus mengangkat nama NBD sebagai destinasi pelancongan yang menarik, selamat dan berdaya saing di peringkat global.

MEMPERKUKUH KEMAHIRAN MELALUI PEMBELAJARAN KENDIRI, MANFAATKAN PLATFORM MEDIA SOSIAL

■ Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BERAKAS, Sabtu, 27 Jun – Pesta Pengguna dan Ekspo Perdagangan terus membuktikan peranannya sebagai platform utama dalam memacu pertumbuhan ekonomi tempatan dengan memudahkan pertukaran pengetahuan, memperkukuh kerjasama serantau serta menggalakkan penglibatan awam dalam dunia perniagaan.

Pada masa yang sama, acara berkenaan turut membuka lebih banyak peluang perdagangan rentas sempadan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sejak pengeluarannya, pesta berkenaan telah mengukuhkan kedudukannya sebagai sebuah platform yang menghimpunkan pelbagai jenis perniagaan, daripada perusahaan yang telah lama bertapak sehinggalah kepada usaha niaga baharu yang sedang berkembang.

Penyertaan komuniti perniagaan yang pelbagai bukan sahaja mencerminkan keluasan sektor perusahaan di negara ini, malah terus memupuk jaringan komersial, kerjasama strategik dan pertumbuhan mampan.

Antara Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang menyertai sepanjang pesta lima hari berkenaan ialah pengusaha seni ukiran kayu tempatan, iaitu Awang Haji Abdul Majid bin Haji Ismail, yang telah berkecimpung dalam bidang pembuatan dan seni ukiran kayu sejak 2019.

Awang Haji Abdul Majid yang

mengendalikan perniagaan di bawah nama Ehzid Wood Engraving, mengongsikan bahawa minatnya terhadap seni ukiran mula berkembang selepas melihat seorang rakannya menggunakan mesin laser untuk mengukir kayu.

“Dari situ timbul keinginan untuk memiliki mesin ukiran laser sendiri dan mengembangkan perniagaan dalam bidang ini.

“Berebalkan semangat yang tinggi, saya mula memperkukuh kemahiran melalui pembelajaran sendiri dengan memanfaatkan pelbagai platform media sosial. Namun, perjalanan untuk mahir dalam seni ukiran bukanlah sesuatu yang mudah,” jelasnya lagi.

Menurutnya, proses menguasai kemahiran berkenaan memerlukan kesabaran, disiplin dan komitmen yang tinggi. Beliau sendiri mengambil masa antara enam bulan hingga setahun untuk benar-benar memahami teknik asas serta membina kemahiran yang dimiliki pada hari ini.

Tidak terhenti di situ, beliau turut menimba ilmu daripada rakan-rakan dari Semenanjung Malaysia yang mempunyai kepakaran dalam bidang ukiran laser. Pertukaran pengalaman dan pengetahuan berkenaan banyak membantu memperluas pemahamannya terhadap teknologi serta teknik ukiran moden.

“Apa yang bermula sebagai minat kecil akhirnya berkembang

menjadi satu bidang yang amat dekat di hati. Rasa kagum terhadap kehalusan seni ukiran kayu mendorong saya untuk mendalami pelbagai teknik ukiran, merangkumi pendekatan tradisional mahupun kontemporari.

“Selain menghasilkan ukiran kalimah dan seni dekoratif, saya juga menerima tempahan daripada orang ramai untuk menghasilkan pelbagai cenderamata istimewa seperti hadiah persaraan, ukiran potret, plak penghargaan dan hadiah kenangan,” ujarnya lagi.

Menurut Awang Haji Abdul Majid lagi, idea dan karya yang dihasilkan lazimnya tercetus daripada permintaan pelanggan, pengalaman peribadi serta inspirasi yang diperoleh melalui pemerhatian terhadap hasil karya pengukir lain yang lebih berpengalaman.

Seni ukiran kayu katanya, sememangnya merupakan warisan kraf tangan yang sarat dengan nilai estetika dan budaya. Setiap karya yang dihasilkan memerlukan ketelitian teknikal yang tinggi, bermula daripada pemilihan jenis kayu yang sesuai, lakaran reka bentuk, proses ukiran sehinggalah kepada sentuhan akhir yang menyerlahkan keindahan seni berkenaan.

“Dalam era moden ini, seni ukiran kayu tidak lagi terhad kepada elemen hiasan tradisional semata-mata. Sebaliknya, ia kini diaplikasikan dalam pelbagai produk seperti perabot, hiasan dalaman, cenderamata korporat, papan tanda dekoratif dan karya seni kontemporari.

“Gabungan unsur tradisional dan inovasi moden inilah yang memastikan seni ukiran kayu terus relevan dalam pasaran semasa. Lebih daripada sekadar perniagaan, perjalanan saya menjadi simbol bahawa usaha kecil yang bermula daripada rasa ingin tahu mampu berkembang menjadi sebuah karya yang memberi inspirasi kepada masyarakat dan generasi akan datang,” ujarnya lagi mengakhiri temu bual.



ANTARA Perusahaan Kecil dan Sederhana yang menyertai pesta berkenaan ialah pengusaha seni ukiran kayu tempatan, iaitu Awang Haji Abdul Majid bin Haji Ismail (atas), manakala gambar bawah kiri, antara ukiran laser pada kayu yang dibuat.



جائين فرالچن ايكونومي دان ستاتستيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

“Boleh percaya kan tu?”

“Mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?”

“Ok kan tu? Selamat kah jual bali cemani ani?”

“Iawah? Banar kan tawarannya ani?”

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ✓ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ✓ Dapatkan resit rasmi.
- ✓ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ✓ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Akta Perlindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

2 individu, sebuah syarikat didenda kompaun

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 Jun. - Hasil daripada operasi pemantauan harian di kawasan-kawasan di Bandar Seri Begawan yang dilaksanakan oleh pihak Penguatkuasaan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

(JB BSB) pada 16 hingga 20 Jun 2026, mendapati dua kes iaitu kes pertama, dua individu telah didapati membuang sisa makanan dan sampah di kawasan tepi bangunan premis perniagaan di Kampung Batu Bersurat.

Manakala kes kedua pula ialah sebuah syarikat telah didapati membuang bekas kayu palet dan bekas tin cat terpakai di kawasan tepi bangunan perniagaan di Kampung Parit dan laluan tempat awam.

Pihak Penguatkuasaan telah membuat tindakan denda kompaun ke atas individu-individu dan syarikat berkenaan berdasarkan kadar-kadar yang telah ditetapkan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian (Penggagal 30) Bab 12(1)(a) dan (e).

Sehubungan itu, JB BSB ingin mengingatkan kepada orang ramai, pihak syarikat dan pemilik premis perniagaan supaya tidak membuang, melonggokkan, menumpahkan atau meninggalkan apa jua jenis sampah sarap, cecair dan sisa perniagaan di sebarang tempat-tempat awam kerana ia adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian (Penggagal 30) Bab 12(1), jika sekiranya kebersihan alam sekitar tidak dijaga bersama, yang mana denda maksima, jika didapati sabit kesalahan adalah sebanyak BND30,000 dan dihukum penjara tidak melebihi tempoh 12 bulan,



ANTARA kesalahan yang didapati semasa operasi pemantauan harian di kawasan-kawasan di Bandar Seri Begawan yang dilaksanakan oleh pihak Penguatkuasaan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan (kiri dan atas).

atau kedua-duanya sekali.

Orang ramai, pihak syarikat dan pemilik premis perniagaan mengalu-alukan orang ramai untuk mengemukakan aduan atau berkongsi maklumat kepada pihak

Penguatkuasaan JB BSB jika sekiranya ada terdapat kesalahan-kesalahan berkaitan kebersihan di dalam kawasan BSB melalui nombor Talian Hotline Unit Penguatkuasaan +673 7291122.



KOREA SELATAN, JEPUN SETUJU PERLUAS KERJASAMA PERTAHANAN, TERMASUK BIDANG AI

SEOUL, 28 Jun. - Korea Selatan dan Jepun bersetuju meneruskan usaha memperkukuh pertukaran serta kerjasama pertahanan dua hala, termasuk dalam bidang teknologi canggih seperti kecerdasan buatan (AI), lapor Agensi Berita Yonhap.

Komitmen itu dicapai susulan pertemuan antara Menteri Pertahanan Korea Selatan Ahn Gyu-back dan rakan sejawatnya dari Jepun, Shinjiro Koizumi, di Seoul ketika kedua-dua negara berusaha memperkukuh kerjasama pertahanan selepas hubungan dua hala yang semakin baik.

"Kedua-dua menteri bersetuju untuk terus memajukan pertukaran dan kerjasama antara pasukan aerobatik kedua-dua negara iaitu Black Eagles dari Korea Selatan dan Blue Impulse dari Jepun

"Kedua-duanya juga bersetuju mempertingkatkan latihan mencari dan menyelamatkan dalam kenyataan pelbagai kemungkinan kecemasan di laut serta memperluas kerjasama dalam bidang sains dan teknologi termaju, termasuk AI," menurut kenyataan bersama yang dikeluarkan selepas pertemuan itu.

Koizumi tiba di Seoul sehari sebelumnya bagi lawatan rasmi selama dua hari, yang juga lawatan pertamanya sebagai menteri pertahanan.

Lawatan itu dibuat selepas kunjungan Ahn ke Jepun pada Januari lalu untuk mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatnya.

Ia berlangsung ketika kedua-dua negara berusaha memanfaatkan momentum positif dalam hubungan pertahanan bagi mengukuhkan lagi kerjasama.

Rujukan kepada pasukan aerobatik dan latihan mencari dan menyelamatkan dalam kenyataan bersama itu dilihat mencerminkan kesediaan kedua-dua negara untuk memperluas interaksi dalam bidang bukan tempur, berbanding kerjasama ketenteraan secara langsung yang masih dianggap sensitif oleh ramai rakyat Korea Selatan berikutan sejarah penjajahan Jepun ke atas Korea dari 1910 hingga 1945.

Awal bulan ini, kedua-dua negara menyambung semula latihan bersama mencari dan menyelamatkan maritim (SAREX) buat kali pertama dalam tempoh sembilan tahun selepas menyelesaikan pertikaian pada 2018 berhubung tindakan sebuah pesawat rondaan Jepun yang terbang pada altitud rendah berhampiran sebuah kapal perang Korea Selatan.

Komitmen untuk memperluas kerjasama antara pasukan aerobatik kedua-dua negara turut dilihat sebagai satu lagi perkembangan positif.

Pada Sabtu, Koizumi dan Ahn turut melawat unit Black Eagles di sebuah pangkalan udara di Wilayah Gangwon.

Dalam pertemuan pada Ahad, kedua-dua menteri turut menegaskan semula komitmen terhadap pelucutan senjata nuklear sepenuhnya di Semenanjung Korea serta usaha mewujudkan keamanan berkekalan di rantau itu.

"Kedua-dua menteri berpandangan kerjasama perlu diteruskan bagi menjamin keamanan dan kestabilan serantau dalam keadaan landskap keselamatan yang semakin mencabar.

"Mereka juga bersetuju untuk meneruskan penyelarasan di peringkat dua hala serta tiga hala melibatkan Korea Selatan, Amerika Syarikat dan Jepun," menurut kenyataan itu.

Pertemuan itu berlangsung kurang sebulan selepas kedua-dua menteri bertemu di luar acara forum keselamatan di Singapura.

Selepas pertemuan itu, mereka dijadual menyertai sesi dialog bersama golongan belia dari kedua-dua negara di sebuah badan pemikir pertahanan sebelum mengadakan perlawanan persahabatan ping pong sebagai simbol hubungan erat antara kedua-dua negara.

Menurut sumber diplomatik, Koizumi turut dijadual mengadakan pertemuan dengan Menteri Luar Korea Selatan, Cho Hyun pada hari sama. - ©BERNAMA

Hospital di Paris tingkatkan penempatan petugas susulan lonjakan pesakit

PARIS, 27 Jun. - Pelan kecemasan diaktifkan di hospital sekitar wilayah Greater Paris bagi menggerakkan lebih ramai petugas untuk menangani peningkatan jumlah pesakit yang mengalami masalah kesihatan akibat gelombang haba melampau, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Pihak berkuasa kesihatan Paris berkata pada Jumaat bahawa gelombang haba itu memberi tekanan kepada sistem penjagaan kesihatan, khususnya jabatan kecemasan hospital dan

perkhidmatan kecemasan.

Di bawah pelan kontigensi, petugas tambahan boleh dipanggil bertugas dan kerjasama antara kemudahan kesihatan dipertingkatkan.

Kementerian Kesihatan turut meluluskan penempatan pelajar perubatan di seluruh negara di pusat panggilan kecemasan dan sebagai penyelaras penghantaran bantuan perubatan bagi mengurangkan beban yang ditanggung perkhidmatan berkenaan.

Menurut pihak berkuasa,

panggilan kecemasan di kawasan Greater Paris meningkat 61 peratus berbanding minggu lalu dan 75 peratus berbanding tempoh sama tahun lepas.

Jumlah pesakit berusia bawah dua tahun yang menerima rawatan di jabatan kecemasan meningkat 13 peratus berbanding minggu lalu, manakala pesakit berusia 75 tahun ke atas meningkat 47 peratus.

Beberapa hospital turut mengalami gangguan bekalan elektrik dan kerosakan sistem

penyejukan, yang menjejaskan operasi sistem penyaman udara.

Menurut pihak berkuasa, gelombang haba itu turut menyebabkan peningkatan pesakit yang dimasukkan ke hospital akibat masalah kesihatan mental, dengan katil tambahan disediakan bagi menampung keperluan berkenaan.

Sementara itu, perkhidmatan ambulans Paris berdepan risiko kehabisan bekalan ais berikutan peningkatan jumlah pesakit yang memerlukan rawatan berkaitan

haba.

Bagi membantu mengatasi kekurangan itu, rangkaian pasar raya Carrefour menyumbangkan empat tan ais, kata Ketua Pegawai Eksekutifnya Alexandre Bompard.

Bekalan ais itu dihantar dan diiringi polis ke gelanggang ais di Accor Arena, Paris untuk penyimpanan sementara.

Menurut perkhidmatan kaji cuaca negara itu, suhu di wilayah Paris dan timur Perancis sekali lagi mencecah sehingga 41 darjah Celsius pada Jumaat. - ©BERNAMA

Trump dedah reka bentuk passport baharu AS

WASHINGTON, 27 Jun. - Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump pada Jumaat mendedahkan reka bentuk baharu passport negara itu, lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Passport baharu AS, yang tertulis, 'Selamat datang, tetapi berkelakuan baik!'" tulis Trump menerusi platform Truth Social.

Imej yang dikongsikan Trump

memaparkan potret rasmi beliau, berlatarbelakangkan teks Deklarasi Kemerdekaan AS yang ditandatangani pada 1776, selain elemen bendera Amerika.

Ukiran berwarna emas itu turut dilengkapi tandatangan peribadi ketua negara berkenaan.

Paparan lain pula menampilkan ukiran berdasarkan lukisan terkenal

'Declaration of Independence', dengan tulisan 'United States of America 250' di bahagian bawah.

Pada April, Jabatan Negara AS mengumumkan siri passport edisi terhad dengan reka bentuk khas termasuk potret rasmi Trump, bagi memperingati ulang tahun ke-250 kemerdekaan Amerika. - ©BERNAMA

Jumlah kanak-kanak kekurangan zat di Afghanistan meningkat mendadak

BERLIN, 27 Jun. - Pertubuhan kebajikan Doktor Tanpa Sempadan (MSF) melaporkan peningkatan yang membimbangkan dalam jumlah kanak-kanak mengalami kekurangan zat makanan di selatan Afghanistan, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Menurut kenyataan yang dikeluarkan pada Jumaat, pusat pemakanan yang disokong oleh MSF di wilayah berkenaan merekodkan peningkatan 30 peratus dalam jumlah kanak-kanak kekurangan zat makanan yang dimasukkan ke pusat rawatan pada suku pertama tahun ini berbanding tempoh yang sama tahun lepas.

"Pihak kami menerima kanak-kanak untuk rawatan pada tahap yang sudah terlalu lewat dan kebanyakannya berada dalam keadaan kritikal dengan komplikasi perubatan yang sebenarnya boleh dicegah," kata Penyelaras Perubatan MSF di selatan Afghanistan, Ana Lilia Banda. Beliau berkata kebanyakan kanak-kanak yang dimasukkan ke pusat rawatan berusia di bawah setahun.

Pada Rabu, Timbalan Jurucakap pentadbiran Taliban di Kabul Hamdullah Fitrat berkata kerajaan komited untuk melindungi hak kanak-kanak, menurut laporan saluran televisyen Afghanistan, Tolonews. MSF turut menyuarakan kebimbangan terhadap pengurangan ketara dalam pembiayaan antarabangsa kepada Afghanistan.

Penutupan kemudahan kesihatan di seluruh negara akibat kekurangan dana menjadikan pengesanan awal kes kekurangan zat makanan semakin sukar manakala keadaan itu diburukkan lagi oleh kemarau yang berulang.

Sejak Taliban kembali mengambil alih kuasa pada musim panas 2021, negara penderma antarabangsa mengurangkan secara drastik sumbangan mereka kepada program bantuan kemanusiaan di Afghanistan.

Pada Selasa, wakil Taliban diterima buat pertama kali oleh Suruhanjaya Eropah untuk mengadakan rundingan di Brussels. Suruhanjaya Eropah mengesahkan bahawa perbincangan di peringkat teknikal itu memberi tumpuan kepada isu penghantaran pulang rakyat Afghanistan ke negara asal mereka. - ©BERNAMA

Angka korban gempa bumi di Venezuela meningkat kepada 920

BOGOTA (Colombia), 27 Jun. - Angka kematian akibat dua gempa bumi kuat yang melanda Venezuela meningkat kepada 920 orang, manakala 3,360 lagi cedera, menurut Ketua Perhimpunan Kebangsaan negara itu, Jorge Rodriguez pada Jumaat, lapor Anadolu Ajansi (AA) memetik media tempatan.

Dalam ucapan yang disiarkan menerusi televisyen, Rodriguez berkata "gempa berganda" yang melanda pesisir utara negara itu pada Rabu diikuti beberapa gegaran susulan yang kuat, mengakibatkan kemusnahan besar di kawasan paling terjejas di negeri La Guaira.

Beliau berkata sebanyak 383 bangunan mengalami kerosakan, menyebabkan infrastruktur di kawasan berkenaan terjejas. Seramai 3,007 penduduk dipindahkan dan kini ditempatkan di pusat perlindungan sementara serta hospital medan.

Pasukan kecemasan, dengan bantuan pasukan mencari dan menyelamatkan antarabangsa masih meneruskan operasi mengesan mangsa yang dipercayai terperangkap di bawah runtuhan bangunan.

Rodriguez turut menggesa orang ramai supaya mengelakkan perjalanan ke La Guaira kerana

kesesakan lalu lintas menghalang proses pemindahan mangsa yang cedera serta memperlahankan operasi menyelamatkan.

Menurut Kaji Selidik Geologi Amerika Syarikat (USGS), dua gempa bumi berukuran 7.2 dan 7.5 pada skala Richter melanda Venezuela pada Rabu dengan selang masa hanya 39 saat.

USGS memaklumkan gempa bumi 7.5 pada skala Richter berlaku kira-kira 14.3 batu di tenggara bandar Yumare, negeri Yaracuy, manakala gempa 7.2 pada skala Richter berlaku kira-kira 14.9 batu di timur laut San Felipe, juga di negeri Yaracuy. - ©BERNAMA

WALKATON MENGHAYATI SEMANGAT HIJRAH



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir selaku tetamu khas pada Program Riadah Hijrah (atas), manakala gambar kanan, antara yang turut serta pada riadah tersebut.

KIUDANG, Ahad, 28 Jun. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel Kiudang, Daerah Tutong dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), hari ini, mengadakan Program Riadah Hijrah berupa Walkaton sempena menyambut kedatangan Awal Muharam 1448

Hijrah.

Program ini merupakan salah satu usaha untuk menghayati semangat hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta mendorong masyarakat melakukan perubahan ke arah kehidupan yang lebih baik berlandaskan nilai-nilai Islam.

Selain itu, ia turut menekankan kepentingan menjaga kesihatan fizikal, pembentukan disiplin diri,

pengukuhan ukhawah Islamiah, serta memupuk perpaduan dalam kalangan jemaah dan penduduk setempat.

Antara objektif utama program ini adalah untuk menyuntik semangat hijrah dalam kalangan peserta, di samping meningkatkan tahap kesihatan dan kecergasan, mengeratkan silaturahim antara jemaah masjid dan penduduk kampung serta memupuk keimanan dan perpaduan masyarakat.

Hadir selaku tetamu khas pada program ini ialah Pemangku

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas



Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Turut hadir, Ketua Kampung Kiudang dan Pad Nunok, Awang Muhammad Rifaie bin Haji Abdul Rahim; Pemangku Ketua Kampung Pengkalan Mau, Bakiau dan Batang Mitus, Awang Suhili bin Alas serta Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir dan Muslimah-muslimah Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel Kiudang.

Program turut diserikan dengan

sesi tazkirah yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong, Awang Haji Mohd. Aidil Sufian bin Md. Yassin.

Adalah diharapkan melalui program seumpama ini akan menjadi wadah berkesan dalam memperkukuhkan hubungan masyarakat, meningkatkan kesedaran tentang kepentingan gaya hidup sihat serta menyemarakkan penghayatan nilai-nilai hijrah dalam kehidupan seharian.

Perlawanan Bola Sepak Persahabatan eratkan hubungan PPDB, PDRM

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BERAKAS, Ahad, 28 Jun. - Pasukan Simpanan Polis C Kompeni (Polis Hutan), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) baru-baru ini mengadakan Perlawanan Bola Sepak Persahabatan menentang Batalion 12, Pasukan Gerakan Am (PGA) Miri, Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang berlangsung di Kompleks Sukan Berakas, Jalan Padang Kebajikan, Daerah Brunei dan Muara.

Dalam perlawanan tersebut, Batalion 12, PGA Miri, PDRM muncul sebagai pemenang dengan keputusan 3 - 1.

Pasukan Simpanan Polis C Kompeni membuka tirai jaringan pada separuh masa pertama.

Pada separuh masa kedua, Batalion 12, PGA Miri, PDRM bangkit untuk mendahului dengan tiga jaringan bagi memastikan kemenangan.

Sebelum perlawanan bermula, pertukaran *scroll pennant* telah diadakan antara Penguasa Polis (Supt.) Mazlan bin Mohamed selaku Kapten Pasukan Batalion 12, PGA Miri, PDRM dengan Ketua Inspektor Mohamad Saifulnizam bin Haji Sabli selaku Kapten Pasukan Simpanan Polis C Kompeni.

Turut hadir menyaksikan perlawanan tersebut ialah Pemangku Pengarah, Jabatan Gerakan, PPDB, Penolong Pesuruhjaya Polis (ACP) Haji Hamri Aslan bin Haji Abu Hanafiah.

Penganjuran perlawanan persahabatan ini bertujuan untuk menjadi platform tidak formal dalam memperkukuhkan hubungan persahabatan dan kerjasama yang sedia terjalin, di samping meningkatkan persefahaman serta kerjasama profesional dua hala antara PPDB dan PDRM.



PASUKAN Simpanan Polis C Kompeni (Polis Hutan), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) mengadakan Perlawanan Bola Sepak Persahabatan menentang Batalion 12, Pasukan Gerakan Am (PGA) Miri, Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Peluang sertai cabaran '2 Million Steps for Recovery'

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Biro Kawalan Narkotik

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 Jun. - Hari Pemulihan Antarabangsa disambut setiap tahun pada 30 September.

'Sinar Menuju Pemulihan, Bersama Komuniti' merupakan tema bagi Hari Pemulihan Antarabangsa 2026 dan mesej utama tema berkenaan ialah untuk menggalakkan dan menyeru orang ramai dalam sama-sama membantu dan menyokong proses pemulihan dadah bekas-bekas pengguna dadah.

Dalam pada masa yang sama, sebagai usaha untuk meningkatkan tahap penerimaan serta pengurangan isu stigma masyarakat terhadap bekas-bekas pengguna dadah di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Perdana Menteri (JPM) akan mengadakan cabaran '2 Million Steps for Recovery' sempena Sambutan Hari Pemulihan Antarabangsa 2026 dengan menggunakan aplikasi BruHealth.

Orang ramai adalah diseru untuk menyertai cabaran berkenaan sambil meningkatkan kesedaran, menyokong usaha pemulihan dadah serta mendukung perubahan positif dalam masyarakat.

Perkiraan langkah (*steps*) akan diambil dalam tempoh tiga bulan mulai 1 Julai hingga 30 September 2026.

Penyertaan cabaran berkenaan adalah percuma.

Pengumpul langkah tertinggi bagi dua kategori, iaitu Kategori Lelaki dan Kategori Perempuan berpeluang memenangi hadiah.

Orang ramai adalah sangat dialu-alukan untuk menyertai

cabaran berkenaan dengan mengimbas Kod QR melalui aplikasi BruHealth atau di pautan <https://www.healthinfo.gov.bn/hm/n60odiq>.

Bagi memastikan penyertaan

dan rekod langkah berjalan dengan lancar, sila pastikan aplikasi BruHealth awda telah disambungkan serta diselaraskan dengan platform kesihatan yang bersesuaian, iaitu Android : Health Connect atau iOS : Apple Health.

BIRO KAWALAN NARKOTIK
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BruHealth.

"Sinar Menuju Pemulihan, Bersama Komuniti"

CABARAN

2 JUTA LANGKAH KE ARAH PEMULIHAN

Melangkah seiring, membina ketahanan & mencapai 2 juta langkah, bersama komuniti!

TATACARA PENYERTAAN

- Imbas kod QR untuk mendaftar dan menjejaki langkah anda melalui BruHealth.
- Hadiah menanti pemenang bagi 2 kategori! (Lelaki | Perempuan)

Penyertaan percuma!

BUTIRAN CABARAN

- Tempoh cabaran: 1 Julai - 30 September 2026
- Siapa yang boleh menyertai? Terbuka kepada orang ramai!
- Mengapa sertai? Ambil setiap langkah untuk meningkatkan kesedaran, menyokong pemulihan dadah dan mendukung perubahan positif!

Sempena

Hari Pemulihan Antarabangsa 2026

Bagi sebarang pertanyaan berkaitan aplikasi BruHealth, sila hubungi:

- WhatsApp / Telegram: 675 7674438
- Hotline BruHealth: 148
- E-mel: bruhealthsupport@mnh.gov.bn



KEJOHANAN FUTSAL MERIAHKAN SAMBUTAN JUBLI PLATINUM PENDIDIKAN UGAMA FORMAL



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

TUNGKU LINK, Ahad, 28 Jun. - Bagi menyemarakkan lagi Sambutan Semarak Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan U gama Formal di Negara Brunei Darussalam dengan tema 'Ukhuwah Kukuh, Pendidikan Teguh', Jabatan Pengajian Islam

(JPI), Kementerian Hal Ehwal U gama (KHEU) menganjurkan Kejohanan Futsal pada petang tadi di Kompleks Sukan Universiti Brunei Darussalam, di sini.

Johan bagi Kategori Veteran pada kejohanan tersebut ialah Pasukan Jabatan Hal Ehwal

Masjid setelah berjaya menang tipis 1 - 0 ke atas Pasukan Kolej Universiti Perguruan U gama Seri Begawan (KUPU SB), sekali gus menjadikan Pasukan KUPU SB menduduki tempat kedua.

Manakala tempat ketiga pula dikongsi bersama oleh Pasukan Gabungan Guru-Guru Bahagian Sekolah Umum (Pendidikan Islam) dan JPI.

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal U gama hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Sekolah Umum (Pendidikan Islam), JPI dan Pasukan KUPU SB masing-masing berkongsi tempat ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pasukan yang berjaya ialah Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Sebanyak 30 pasukan daripada warga KHEU dan institusi pengajian tinggi menyertai kejohanan tersebut, yang dibahagikan kepada Kategori Veteran dan Kategori Terbuka.

Acara turut dimeriahkan dengan Perlawanan Futsal Mahabbah yang melibatkan Pasukan Pegawai Kanan KHEU dan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah menentang Pasukan Pegawai JPI.

Kejohanan Futsal berkenaan merupakan salah satu aktiviti sukan dan riadah yang diadakan bagi menyemarakkan serta memeriahkan lagi Sambutan Semarak Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan U gama Formal.

Semarakkan perkembangan sukan berbasikal lasak



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Ahad, 28 Jun. - Perlumbaan Basikal Bukit Ambog XCO Funrace 2026 anjuran Majlis Perundingan Mukim (MPM) Keriam dengan kerjasama Team 430 dan Team 530 Bukit Ambog telah diadakan di kawasan persekitaran Bukit

Ambog, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri yang seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat majlis yang seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

Sebanyak tujuh kategori telah dipertandingkan, iaitu Kategori Lelaki Terbuka (45 tahun ke bawah), Master (46 hingga 49 tahun), Veteran (50 tahun hingga 59 tahun), Heavyweight (90kg ke atas), e-Bike Terbuka, Enduro Bike Fullsus (150mm ke atas) dan Otai (60 tahun ke atas), dengan penyertaan seramai 85 peserta yang terdiri daripada peminat sukan berbasikal lasak daripada pelbagai daerah.

Penganjuran acara ini

merupakan salah satu inisiatif dalam menggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti riadah yang sihat, berdaya saing serta mampu memupuk semangat perpaduan dalam kalangan komuniti peminat sukan Mountain Biking (MTB).

Di samping itu, acara ini juga menjadi platform untuk mencungkil bakat-bakat baharu dalam MTB di peringkat tempatan, khususnya dalam kalangan belia, agar terus aktif dalam aktiviti sukan yang positif.

Selain itu, perlumbaan ini turut memberi peluang kepada para peserta untuk mengeratkan hubungan silaturahim sesama komuniti berbasikal, di samping mempromosikan *trail* Bukit Ambog sebagai salah satu lokasi rekreasi dan sukan yang berpotensi untuk pembangunan pelancongan sukan di Daerah Tutong.

Antara objektif utama acara ini adalah untuk menyediakan platform pertandingan yang tersusun dan selamat bagi peminat MTB menguji kemahiran serta ketahanan diri,

di samping memupuk nilai disiplin, semangat kesukanan, kerjasama berpasukan serta daya tahan fizikal dan mental.

Acara ini juga memberi pendedahan kepada peserta mengenai pengendalian perlumbaan MTB mengikut peraturan dan prosedur yang ditetapkan, selain meningkatkan pengalaman serta keyakinan diri melalui penyertaan dalam pertandingan berkonspek Cross-Country Olympic (XCO).

Penganjuran Bukit Ambog XCO Funrace 2026 diharapkan akan terus menjadi acara tahunan yang mampu memperkukuhkan budaya hidup sihat, memupuk semangat kesukanan serta mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan masyarakat.

Acara seumpama ini juga diharapkan dapat terus menyemarakkan perkembangan sukan berbasikal lasak di negara ini, khususnya di Daerah Tutong, sekali gus menjadikan Bukit Ambog sebagai salah satu destinasi utama bagi aktiviti rekreasi dan pelancongan sukan.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TINGKATKAN KESEDARAN, MAINKAN PERANAN DALAM MEMBANTERAS ANCAMAN PENYALAHGUNAAN, PENGEDARAN DADAH HARAM